

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Diterbitkan di Negara Brunei Darussalam oleh:

**FAKULTI USULUDDIN**

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong BE 1310

Negara Brunei Darussalam.

Tel: +673 246000, +673 2462248

Faks: +673 2462233

<http://www.unissa.edu.bn>

Hakcipta © Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). 2014.

Hakcipta terpelihara. Kandungan prosiding yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali kecuali dinyatakan sebaliknya. Tiada mana-mana bahagian prosiding ini boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersil dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Segala fakta dan pandangan di dalam kertas kerja adalah tanggungjawab pengarang sendiri. Pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali tidak bertanggungjawab atas apa-apa interpretasi dan pandangan kertas kerja yang dimuatkan di dalam prosiding ini.

Published in Negara Brunei Darussalam by:

**FACULTY OF USULUDDIN**

Sultan Sharif Ali Islamic University

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong BE 1310

Negara Brunei Darussalam.

Tel: +673 246000, +673 2462248

Fax: +673 2462233

<http://www.unissa.edu.bn>

Copyright © Faculty of Usuluddin, Islamic University of Sultan Sharif Ali. 2014.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopy, recording or otherwise, without the prior permission of the copyright owner.

The responsibility for facts and opinions expressed in this publication rests solely with the authors. Their opinions and interpretations do not necessarily reflect those of the Sultan Sharif Ali Islamic University.

**ISBN:**

## **SIDANG PROSIDING & EDITORIAL**

### **Pengerusi Bersama**

Ustaz Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman  
Ustaz Haji Ahmad Baha' bin Haji Mokhtar

### **Ahli-Ahli**

Profesor Madya Dr Ahmed Cherchel  
Profesor Madya Dr Jilani Ben Touhami Meftah  
Dr Haji Sulaiman Ibrahim El Barruhay  
Dr Abdul Muthalif Afuwardeen  
Dr Sayyed Abdul Hamid Al Mahdaly  
Dr Gumaa Ahmed Himmad Adam  
Dr Hamid Issa Mostafa Elosily  
Ustaz Yahia Mohamed Mohamed Sous  
Dr Hajah Sarinah binti Haji Yahya  
Ustazah Yusfariza binti Yusop  
Ustazah Artini binti Haji Timbang  
Ustazah Nurol Halimatul Wara' binti Haji Mumin

### **Pembantu Editor**

Dk Nur Ajaimah binti Pg Ajak  
Hjh Nur Hasyimah binti Hj Md Yassin  
Maryani binti Awg Mohamad  
Hanisah Khairiyah binti Haji Morshid  
Norasdinah binti Daud  
Norhakimah binti Madali  
Dayang Nurasma Bazilah binti Mohd Salleh

## **AHLIJAWATANKUASA PENILAI**

### **Pengerusi Bersama**

Dr Haji Sulaiman Ibrahim El Barruhay  
Dr Hjh Rasina binti Hj Ahim

### **Ahli-Ahli**

Profesor Madya Dr Ahmed Cherchel  
Profesor Madya Dr Jilani Ben Touhami Meftah  
Dr Abdul Muthalif Afuwardeen  
Dr Sayyed Abdul Hamid Al Mahdaly  
Dr Gumaa Ahmed Himmad Adam  
Dr Hamid Issa Mostafa Elosily  
Ustaz Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman  
Ustaz Haji Ahmad Baha' bin Haji Mokhtar  
Ustaz Yahia Mohamed Mohamed Sous  
Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu@Samsu  
Dr Hajah Sarinah binti Haji Yahya  
Ustazah Yusfariza binti Yusop  
Ustazah Artini binti Haji Timbang  
Ustazah Nurol Halimatul Wara' binti Haji Mumin

## **HIASAN KULIT**

Ustaz Wan Habib bin Wan Ibrahim  
Awg Mohammad Ashadi bin Jaman  
Awg Md Alias bin Haji Metussin

***SENARAI KANDUNGAN***

|   |                |
|---|----------------|
| <b>SENARAI KANDUNGAN</b>  | i-ii           |
| <b>PRAKATA</b>  | iii            |
| <b>1. KERTAS UCAPTAMA 1:<br/>SUNNAH NABAWIYYAH DAN CABARAN SEMASA</b><br>Prof. Datin Paduka Dr. Jawiah Dakir<br><i>Jabatan Usuluddin dan Falsafah &amp; Timbalan Pengarah, Institut Islam Hadhari<br/>Universiti Kebangsaan Malaysia</i>                            | <b>1-20</b>    |
| <b>2. AUTORITI HADITH DALAM EPISTEMOLOGI TAFSIR</b><br>Hajah Sarinah Haji Yahya<br><i>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam</i>   | <b>21-32</b>   |
| <b>3. CABARAN DAN PERANAN BELIA DALAM PEMBANGUNAN UMMAH: SATU<br/>ANALISIS DARI PERSPEKTIF HADITH NABAWI</b><br>Haji Mohd Khairul Nazif Haji Awang Damit<br><br>Dr Sayyed Abdul Hamid Al-Mahdaly<br><i>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam</i>    | <b>33-42</b>   |
| <b>4. HADITH PENYAMATARAFAN WANITA DAN HAIWAN: SALAH FAHAM<br/>DAN PENJELASAN</b><br>Norhasrina Ibrahim<br>Kauthar Abd Kadir<br>Irshadul Haq Abdullah<br><i>Universiti Sains Islam Malaysia</i>   | <b>43-60</b>   |
| <b>5. IMPLIKASI PERANAN USTAZ DALAM PEMBANGUNAN UMMAH DAN<br/>HUBUNGKAITNYA DENGAN PENDIDIKAN ISLAM: SATU KAJIAN DARI<br/>PERSPEKTIF SUNNAH NABAWIYYAH</b><br>Abdullah bin Yusuf Kareena<br>Somjeet Naksewee<br><i>Prince of Songkla University (PSU), Thailand</i> | <b>61-82</b>   |
| <b>6. MAFHUM AL-JAMA'AH DALAM HADITH-HADITH NABI (S.A.W.): SATU<br/>TINJAUAN DARI ASPEK DAKWAH</b><br>Sulaiman Ibrahim el-Barruhiy<br><i>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam</i>  | <b>83-110</b>  |
| <b>7. PELIHARA KESUCIAN SUNNAH NABAWIYYAH: KENALI KRITERIA<br/>HADITH PALSU</b><br>Ak. Zamiri Pg. Hj Jamaludin<br><i>Jabatan Mufti Negara Brunei Darussalam</i>   | <b>111-130</b> |

8. PERANAN ILMU SAINS DALAM MEMAHAMI HADITH TENTANG PROSES KEJADIAN MANUSIA 131-142  
Mohd Hilmy Baihaqy bin Hj Awang Yussof  
*Pusat Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddien (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam*  
Ahmad Abdussalam Abdul Rahman al-Kedayan  
*Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam*
9. PERANAN RASULULLAH (S.A.W.) TERHADAP AL-QUR'AN 143-160  
Ariffin Omar  
*Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam*
10. SAHABAT DAN SUNNAH NABI: STUDI ATAS METODOLOGI PEMAHAMAN & APLIKASI 161-178  
Abd Rauf Muhammad Amin  
*Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam*
11. SYEIKH ABDUL QADIR BIN ABDUL RAHIM BUKIT BAYAS DAN PENGHUJAHANNYA DENGAN AL-SUNNAH DALAM KITAB *RISALAH FI BAYAN HUKM AL-BAY' WA AL-RIBA* 179-192  
Hasanulddin Mohd  
Abdul Karim Ali  
Zurita Mohd Yusof  
*Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu, Malaysia*
12. SUMBANGAN ULAMA NUSANTARA DALAM ILMU HADITH: TUMPUAN KAJIAN KITAB *SYARH LATIF 'ALA ARBA'IN NAWAWI* KARANGAN ABD RAUF FANSURI 193-204  
Ahmad Baha' Mokhtar  
*Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam*
13. APPARENT DISCREPANCY IN HADITH REPORTING: AN ANALYSIS OF SOME REPORTS ON PREDESTINATION 205-220  
Israr Ahmad Khan  
*International Islamic University Malaysia*
14. LIVING HADITH IN A FAMILY: REINVENTING MODEL OF RESEARCH IN HADITH USING ETHNOGRAPHICAL RESEARCH 221-230  
Saifuddin Zuhri Qudsy  
*Universiti Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia*
15. STUDY OF HADITH RECITAL IN THE MEDIA: STUDY OF KITAB AL-BUKHARI TVRI NASIONAL JAKARTA 231-242  
Muhammad Alfatih Suryadilaga  
*Universiti Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia*

## PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين، أما بعد

Sunnah Nabawiyyah merupakan sumber utama yang kedua dalam agama Islam selepas al-Quran al-Karim. Selain berperanan yang vital dalam menerangkan dan mejelaskan isi Al-Quran kepada seluruh manusia, Sunnah juga berperanan sebagai sumber hukum yang independen sebagai tambahan kepada al-Quran.

Semenjak dulu hingga kini, pelbagai isu semasa berkaitan Sunnah Nabawiyyah muncul untuk menggugat dan mencabar kedudukan sunnah atau mempertikaikan pembawa sunnah itu sendiri iaitu Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Setengah golongan cuba menolak autoriti dan taqdisnya sunnah Baginda yang sabit hanya kerana kecetekan ilmu mengenai hadith yang agung ini. Setengahnya pula menerima segala bentuk nas yang dinasabkan kepada Baginda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* tanpa sebarang sukat-sukat sebagai pengukur yang tepat dalam menilai keaslian nas berkenaan.

Oleh itu, buku prosiding "SUNNAH NABAWIYYAH DAN CABARAN SEMASA" adalah buku yang menghidangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan Sunnah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Buku prosiding ini diterbitkan dalam dua jilid. Jilid pertama mengumpulkan artikel-artikel dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Manakala jilid kedua mengumpulkan artikel-artikel dalam bahasa arab. Buku jilid pertama ini mengandungi 15 artikel dalam bahasa Melayu dan Inggeris hasil penyelidikan daripada para ahli akademik dan calon ijazah tinggi yang berkaitan dengan Sunnah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Artikel tersebut telah dibentangkan sempena Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyyah dan Cabaran Semasa (USUL2) yang bertemakan ayat 3-4, Surah an-Najm:

﴿وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌٰ بُوحٌ﴾

"Dan ia (Nabi Muhammad) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemauan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya."

Seminar ini telah mendapat penyertaan daripada para pembentang dari dalam dan luar negara seperti Arab Saudi, Brunei, Indonesia, Iraq, Kuwait, Malaysia, Thailand, Emiriah Arab Bersatu dan sebagainya lagi.

Akhir kata, diharap segala perbahasan yang dipaparkan di dalam buku ini dapat dimanfaatkan bersama ke arah mengangkat lagi kedudukan Sunnah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan sebagai satu usaha dalam mempertahankan kedudukannya sebagai sumber utama dalam Syari'ah Islam serta memberikan sumbangan kepada agama dan ummah.

وبالله التوفيق والهدایة والسلام عليکم ورحمة الله وبركاته

AHMAD ABDUSSALAM ABDUL RAHMAN AL-KEDAYANI

AHMAD BAHA' MOHTAR

Ketua Sidang Editor Bersama

## KERTAS UCAPTAMA 1

### SUNNAH NABAWIYYAH DAN CABARAN SEMASA

Oleh:

Prof. Datin Paduka Dr. Jawiah Dakir

Jabatan Usuluddin & Falsafah

&

Timbalan Pengarah, Institut Islam Hadhari

Universiti Kebangsaan Malaysia

#### Pendahuluan

Setiap umat Islam diwajibkan berpegang kepada al-Quran dan sunnah atau hadith. Tuntutan atas kewajipan ini menjadikan mereka perlu memastikan segala amalan dan perbuatan mereka bertepatan dengan kedua-dua sumber tersebut. Rasulullah (*s.a.w.*) pula menegaskan bahawa segala amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam adalah ditolak (al-Bukhari t.th). Sebarang penyelewengan, tokok tambah dan mengurangi apa yang terdapat dalam al-Quran dan sunnah atau hadith merupakan satu ‘jenayah’ besar dalam Islam. Termasuk ke dalam ‘jenayah’ ini adalah pendustaan terhadap Rasulullah (*s.a.w.*) atau mereka-reka sesuatu yang dinisbahkan kepada Baginda. Lebih besar darjah ‘jenayah’ itu jika dilakukan dengan sengaja. Pendustaan dan rekaan ini mendatangkan kesan buruk bukan sahaja terhadap syariat Islam, tetapi juga terhadap pemikiran dan cara hidup umat Islam. Oleh itu, memastikan sama ada sumber sebenar pegangan dan amalan orang Islam, khususnya orang Melayu amat penting bagi memastikan sumbernya *sahih* ataupun sebaliknya (Jawiah Dakir 2014).

#### Hadith Sebagai Sumber Kedua dalam Syariat Islam Selepas al-Quran

Hadith adalah sumber kedua terpenting dalam syariat Islam selepas al-Quran yang tidak dapat disanggah. Kedudukan ini telah ditegaskan oleh Allah (*s.w.t.*), antaranya melalui firman-Nya (Al-Baqarah 2:129):

﴿رَبَّنَا وَأَبْعَثْتِ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتَلَوَّ عَلَيْهِمْ إِعْبُدْتِكَ وَيُعَلِّمُهُمْ  
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُرِيكُمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ﴾ ١٣٦

Maksudnya: *Wahai Tuhan kami! utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firman-Mu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana*

Dalam ayat yang lain Allah (s.w.t.) berfirman (Ali ‘Imran 3:164):

﴿لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنفُسِهِمْ  
يَتَلَوَّ عَلَيْهِمْ إِعْبُدْتِهِ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ  
كَانُوا مِنْ قَبْلِ لِفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ﴾ ١٣٦

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat-Nya) kepada orang-orang yang beriman, setelah ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syariat, dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.*

Ayat di atas menegaskan bahawa Allah (s.w.t.) mengutus Rasul untuk menjalankan tugas-tugas diperintahkan oleh-Nya. Perintah ini pula wajib diikuti oleh setiap orang Mukmin. Antara lain tugas Baginda ialah membacakan ayat-ayat Allah (s.w.t.) dan mengajarkan isi kandungan al-Quran kepada manusia. Mengajar isi kandungan al-Quran bererti mengajar maksud-maksudnya di samping memberi penerangan terhadap hukum-hukum, peraturan-peraturan, pengajaran-pengajaran dan segala perkara yang terdapat di dalamnya. Segala pengajaran, penjelasan dan penerangan tersebut yang datangnya daripada Rasulullah (s.a.w.) adalah tergolong ke dalam pengertian sunnah ataupun hadith yang wajib diikuti oleh setiap muslim (Jawiah Dakir 2014). Selain daripada itu, berdasarkan ayat 164 dalam surah Ali ‘Imran di atas, Baginda juga mengajarkan *al-Hikmah* yang dirumuskan maksudnya oleh kebanyakan ahli tafsir (Ibn Kathir 1985; al-Qurtubi 1988; Abu al-Su’ud t.th & al-Jalalyn t.th.) sebagai pengajaran Rasulullah (s.a.w.) selain al-Quran, iaitu sunnah atau hadith. Rasional kepada tafsiran ini antaranya adalah *al-Hikmah* dalam ayat ini bukan bermaksud al-Kitab (al-Quran) kerana perkataan *waw* yang bermaksud *dan*, diantara dua perkataan menunjukkan bahawa perkataan sebelum *waw* (al-Kitab) adalah selain daripada yang selepasnya (*al-Hikmah*). Selain itu *al-Hikmah* di sini merupakan wahyu, kerana jika bukan wahyu mungkin benar mungkin salah. Bagaimana mungkin Rasulullah (s.a.w.) diperintahkan oleh Allah menyampaikan sesuatu yang salah. *Al-Hikmah* juga sesuatu yang diketahui oleh Rasulullah (s.a.w.) kerana Rasul tidak mungkin dan tidak boleh mengajar sesuatu yang baginda tidak ketahui. Dengan rasional ini, maka *al-Hikmah* dalam ayat ini dirumuskan sebagai yang lain daripada al-Quran, yang diwahyukan oleh Allah (s.a.w.) kepada Rasul-Nya dan seterusnya diketahui oleh baginda untuk diajarkan kepada manusia. Itulah al-sunnah ataupun hadith (Jawiah Dakir 2014).

Berhubung kait dengan kedudukan hadith sebagai sumber kedua dalam syariat Islam, hadith juga berperanan terhadap al-Quran yang merupakan sebagai sumber pertama dan utama dalam Islam. Antara lain peranannya ialah menerang dan menafsirkan ayat-ayat yang mujmal, contohnya ayat memerintahkan solat dengan tidak memperincikan cara, waktu, bilangan rakaat dan bacaan dalam solat, maka hadith menjelaskannya dengan sabdanya: *hendaklah kamu solat sebagaimana kamu melihat aku*

*lakukan solat* (al-Bukhari t.th). Hadith juga berperanan menafsir dan menjelaskan kesamaran yang terdapat dalam ayat, contohnya ayat yang bermaksud: *dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam), iaitu waktu fajar...*(al-Baqarah 2:187). Rasulullah (s.a.w.) menjelaskan dan menafsirkan ‘benang putih’ dengan waktu siang dan ‘benang hitam’ dengan waktu malam (Ibn Kathir t.th). Hadith juga mengkhususkan yang umum ayat dalam al-Quran, contohnya firmanNya yang bermaksud: *Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, Iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan...*(al-Nisa’ 4:11). Berdasarkan ayat ini, anak lelaki dan perempuan akan mewarisi harta di mata. Hadith pula mengkhususkan anak yang menjadi pembunuh daripada kalangan orang yang diwarisi tidak boleh mewarisi (Ibn Majah 1997). Hadith juga membataskan ayat yang mutlak, seperti ayat yang bermaksud: *diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir)*. Kemutlakan pengharaman bangkai dan darah dibatasi oleh hadith dengan beberapa pengecualian seperti menghalalkan dua jenis bangkai dan dua jenis darah iaitu ikan dan belalang, hati dan limpa (Ibn Majah 1997). Ini adalah sebahagian aspek dan contoh peranan hadith terhadap al-Quran yang menggambarkan kedudukan dan kepentingannya dalam melaksanakan ajaran dan hukum Islam.

Oleh kerana kedudukannya sebagai sumber kedua syariat Islam, maka setiap Mukmin wajib mentaati dan berpegang kepadanya. Sehubungan dengan itu, umat Islam wajar berhati-hati menerima apa yang dimaksudkan sebagai sunnah atau hadith, kerana ia membawa implikasi sebagai salah satu sumber dalam Islam (Jawiah Dakir 2000; Jawiah Dakir 2014).

### **Kewajipan mentaati dan Patuh kepada Rasulullah (s.a.w.).**

Rasulullah (s.a.w.) adalah model ideal yang wajar menjadi contoh ikutan kepada seluruh umat Islam dalam setiap aspek kehidupan. Kedudukan, peranan dan tugas baginda (s.a.w.) sebagai utusan Allah (s.w.t.), penunjuk jalan yang benar dan diredayai oleh

Allah (*s.w.t.*), menjadikan setiap amalan, sabdaan dan ikrarnya menjadi sunnah yang wajib diikuti. Kewajipan mentaati Rasulullah (*s.a.w.*) disamping mentaati Allah (*s.w.t.*) dimaktubkan dalam banyak al-Quran al-Karim yang tidak dapat disanggah lagi.

Antaranya firman Allah (*s.w.t.*) (Ali ‘Imran, 3: 32):

﴿قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ كَفَىٰ فَإِنْ تَوَلُّوْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكُفَّارِ﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. oleh itu, jika kamu berpaling (menderhaka), maka sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang kafir.*

Dalam ayat yang lain Allah (*s.w.t.*) berpesan (Ali ‘Imran, 3:132):

﴿وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ﴾

Maksudnya: *Dan Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, supaya kamu diberi rahmat.*

Segala yang disampaikan oleh Rasulullah (*s.a.w.*) adalah daripada perintah Allah (*s.w.t.*). Oleh kerana itu, Allah (*s.w.t.*) mengingatkan dan memberi amaran kepada orang yang enggan menerima dan menuruti perintah-Nya. Rasulullah hanya berperanan menyampaikan risalah-Nya, dan itulah tugas yang wajib dilaksanakan oleh baginda, sebagaimana firman-Nya (al-Ma’idah, 5:59):

﴿وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَآخِذُوا مَا عُلِمََ فَإِنْ تَوَلَّوْ فَأَعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَى رَسُولِنَا الْبَلْغُ الْمُبِينُ﴾

Maksudnya: *dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasul Allah, dan awaslah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan Rasul-Nya), oleh itu, jika kamu berpaling (enggan menurut apa yang diperintahkan itu), maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas nyata.*

Al-Quran dan hadith ataupun sunnah menjadi tempat rujukan jika berlaku sebarang permasalahan dalam kalangan orang yang benar-benar beriman. Hal ini ditegaskan oleh Allah (s.w.t.) berfirman (al-Nisa', 4:59):

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَعْلَمٌ  
مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَّعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ  
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالْآخِرَةِ حَيْثُ وَأَحَسَنُ تَأْوِيلًا﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ‘Ulil-Amri’ (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.*

Disamping merujuk kepada Allah (s.w.t.) dan Rasul-Nya, orang mukmin juga diperintah oleh Allah (s.w.t.) merujuk kepada orang pakar dalam bidang bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul, khususnya pakar dalam bidang agama. Firmannya (al-Nahl, 16:43):

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسَكُونْ أَهْلَ  
الْذِكْرِ إِن كُنْتُمْ لَا تَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya: *Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui.*

Kesemua perintah Allah (*s.w.t.*) dalam ayat-ayat di atas membuktikan bahawa setiap mukmin dan muslim wajib menurut dan melaksanakan perintah-Nya. Antara perintah-Nya adalah mentaati Rasul-Nya, dengan erti melaksanakan sunnah baginda (*s.a.w.*) dalam kehidupan. Sesiapa yang tidak menuruti atau tidak taat apa yang disuruh oleh baginda, bererti mereka tergolong dalam kalangan orang tidak menurut dan taat perintah Allah (*s.w.t.*). Allah (*s.w.t.*) memberi amaran kepada orang mukmin yang tidak menurut dan taat kepada Rasul-Nya sebagaimana dalam firman-Nya seperti berikut (*al-Hashr*,59: 7):

... وَمَا أَتَنْكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَنَّكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا  
اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: ... dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (*s.a.w.*) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya).

Segala suruhan dan perintah Allah (*s.w.t.*) dan Rasul-Nya hendaklah dilaksanakan dengan ikhlas dan rela, tiada keluh kesah serta memilih. Jika ini yang berlaku, maka orang itu tergolong dalam kalangan orang nyata sesat. Inilah yang terungkap dalam firman Allah (*s.w.t.*) (*al-Ahzab*, 33:36):

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ  
لَهُمْ أَلْحَيْرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِي اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا  
مُّبِينًا

Maksudnya: dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan

*Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.*

Perhatikan maksud dalam ayat di atas: “*apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka*”. Kita diperintahkan untuk mentaati Allah (s.w.t.) dan Rasul-Nya, kedua-duanya sekali, bukan hanya Allah (s.w.t.) sahaja. Inilah antara perintah yang jelas agar setiap mukmin dan muslim tidak meninggalkan dan mengabaikan suruhan dan larangan Baginda Rasulullah (s.a.w.), di samping tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah (s.w.t.).

### **Tanpa Hadith, Umat Islam Gagal Melaksanakan Ajaran Islam Dengan Sempurna**

Melalui dalil dan keterangan di atas jelas bahawa Hadith atau Sunnah Rasulullah (s.a.w.) telah dimuktamadkan sebagai panduan dan pedoman kepada umat Islam untuk melaksanakan ajaran dan syariat Allah (s.w.t.). Tanpa hadith atau sunnah Rasulullah (s.a.w.), tentunya sukar bagi umat Islam untuk melaksanakan dan menghayati ajaran Allah (s.w.t.) sebagaimana yang termaktub di dalam al-Quran. Rasulullah (s.a.w.) adalah orang yang paling memahami al-Quran sebagaimana yang dikehendaki pemahamannya oleh Allah (s.w.t.). Melalui kefahamannya, Baginda menterjemah dan mempraktikkan dalam kehidupan seharian, baik dalam aspek ibadah, akidah, muamalah dan seumpamanya sehingga menjadi contoh ikutan kepada umat Islam seluruhnya. Hal inilah yang ditegaskan oleh Allah (s.w.t.) bahawa terdapat pada diri Rasulullah (s.a.w.) itu terdapat *uswah hasanah* – iaitu contoh ikutan yang baik sebagaimana firman Allah (s.w.t.) (al-Ahzab 33:21):

﴿ لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ ﴾

﴿ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴾

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)*

Umat Islam dituntut supaya mencontohi Rasulullah (*s.a.w.*) dalam setiap aspek kehidupan bagi menjalani kehidupan di dunia dan di akhirat kelak. Sebaliknya umat Islam diperintahkan agar menjauhkan diri daripada melakukan sesuatu yang menyalahi dan bertentangan dengannya. Sesiapa yang melakukan yang menyalahi dan bertentangan dengannya bermakna dia telah melakukan dosa dan mendapat kemurkaan Allah (*s.w.t.*). Tunduk dan patuh kepada Rasulullah (*s.a.w.*) bermakna tunduk dan taat kepada perintah Allah (*s.w.t.*) sebagaimana firman-Nya dalam al-Quran (Jawiah Dakir 2014; Jawiah Dakir & Wan Awang 2010). Sehubungan dengan itu, umat Islam juga perlu memahami hadith dengan betul sehingga dia dapat mempraktikkan hadith atau sunnah dalam kehidupan mereka secara tepat dengan memahami kaedah-kaedahnya yang betul dan tepat juga (al-Qaradawi 1981)

Berikut itu, adalah amat penting untuk mengenal pasti sama ada amalan dan kefahaman umat Islam, benar-benar bersumberkan hadith atau sunnah yang sahih atau sebaliknya. Ketepatan sesuatu amalan dan kefahaman umat Islam dengan hadith atau sunnah amat penting bukan sahaja untuk diketahui tetapi juga untuk difahami bagi mengelak daripada mendakwa sesuatu yang bukan hadith atau sunnah sebagai hadith atau sunnah. Ia juga bertujuan untuk menjaga dan memelihara hadith atau sunnah daripada penyalahgunaan dan penyelewengan oleh golongan yang jahil atau golongan yang berkepentingan. Ia juga penting untuk memastikan hadith atau sunnah dapat dipraktikkan sebagaimana yang selayaknya. Lebih-lebih lagi apabila dikaitkan dengan hadith sebagai sumber hujah dalam syariat Islam, maka paling penting ia di selidiki dan dikenal pasti

kesahihannya sebagai hadith yang benar-benar bersumberkan Rasulullah (*s.a.w.*) (Jawiah Dakir 2014).

Bagi mengetahui secara betul dan tepat, umat Islam dituntut supaya belajar hadith ataupun sunnah, dengan tujuan untuk mempastikan apa yang diamalkan itu benar-benar dari ajaran Rasulullah (*s.a.w.*) atau sebaliknya. Sejarah Sahabat-sahabat Rasulullah (*s.a.w.*) telah membuktikan bahawa mereka telah muncul sebagai orang-orang Islam yang berilmu tinggi serta mampu untuk berijtihad dan menguasai berbagai bidang ilmu Islam kerana mereka banyak menumpukan sebahagian hidup mereka untuk belajar al-Quran dan hadith daripada Rasulullah (*s.a.w.*). Kegigihan mereka dan generasi Tabiin selepasnya dalam meriwayat dan mencatatkan hadith, dapat diwarisi dan dimanfaatkan oleh beratus-ratus generasi hingga sekarang. Umat Islam sekarang mendapat faedah yang amat besar dengan pengumpulan dan penulisan hadith oleh generasi awal Islam (Jawiah Dakir 2014).

Umat Islam kini hanya perlu kepada daya usaha untuk mendapatkan kitab-kitab hadith yang muktabar, seterusnya belajar tentang hadith daripada kitab-kitab tersebut. Dalam menentukan nas-nas hadith itu sahih ataupun palsu, rujukan kepada kitab-kitab muktabar ini amat penting agar umat Islam selamat daripada berhujah dengan nas-nas palsu. Disamping itu di negara kita tidak kurang dengan ilmuan Islam yang mahir dan mendalam ilmunya tentang hadith yang boleh dirujuk sekiranya timbul sebarang ketidakfahaman atau kekeliruan tentang kesahihan atau kepalsuan sesuatu hadith (Jawiah Dakir 2014). Umat Islam sewajarnya berpegang dengan saranan Allah (*s.w.t.*). supaya merujuk kepada ilmuan agama sekiranya ada kemusykilan, Firman-Nya (al-Nahl 16:43):

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسَأَلُوا أَهْلَ

﴿ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴾

Maksudnya: *Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka, oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui.*

Kepentingan belajar dan menyampaikan ilmu agama termasuk ilmu hadith daripada Baginda termasuk ke dalam seruan Baginda: *sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat* (al-Bukhari, t.th). Kepentingan ilmu ini amat mendesak pada masa sekarang berikutan banyaknya berlaku penyebaran ajaran Islam yang diselewengkan ataupun menyeleweng sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, yang dilakukan oleh orang perseorangan ataupun kumpulan yang berkepentingan. Lebih-lebih lagi dalam menghadapi gelora dan ombak globalisasi ilmu dalam dunia tanpa sempadan, umat Islam dengan mudah dan cepat dihidangkan dengan ilmu dan maklumat yang tidak tepat atau menyeleweng daripada hakikat dan nilai-nilai Islam. Lebih malang lagi apabila apa yang disampaikan itu didakwa daripada ajaran Rasulullah (*s.a.w.*), sedangkan hakikatnya bukan daripada Baginda. Bagi umat Islam, sebarang ilmu yang **bukan** bersumber utamakan al-Quran dan Sunnah atau hadith yang *sahih* serta sumber-sumber yang diiktiraf dalam Islam seperti ijma' ulama dan qias yang berdasarkan kedua-dua sumber utama tadi, wajar ditolak demi menjaga kemurnian dan kesahihan ajaran Islam.

### **Hadith dan Cabaran Semasa**

Umat Islam kini sedang menghadapi berbagai cabaran, sama ada dari luar dan dari dalam; iaitu dari orang bukan Islam dan juga orang Islam sendiri. Sungguh malang, walaupun telah jelas ditegaskan melalui al-Quran yang merupakan sumber pertama dan utama syariat Islam bahawa sunnah atau hadith adalah sumber syariat selepas al-Quran, masih terdapat golongan orang Islam yang menyanggah kebenaran ini. Mereka menolakan sunnah atau hadith sebagai hujahan bagi syariat Islam selepas al-Quran. Ini adalah cabaran getir terhadap sunnah dan hadith pada masa kini, di sampaing cabaran yang dikaitkan secara langsung dengan sunnah atau hadith, yang boleh dirumuskan seperti berikut:

## 1. Mengingkari sunnah atau hadith sebagai sumber dan hujahan syariat Islam.

Al-Siba'i (1985) menegaskan bahawa terdapat orang Islam yang tidak begitu mendalam pengetahuannya tentang cabang ilmu ini (sunnah atau hadith) yang tampil dengan mengingkari kedudukan sunnah atau hadith sebagai sumber syarak. Golongan ini sama ada menolak hadith secara total atau sebahagiannya iaitu menolak hadith *ahad*. Golongan yang menolak secara total menggelarkan diri mereka sebagai *ahli al-Quran* yang menolak sebarang bentuk sunnah atau hadith sebagai sumber syariat. Menurut mereka hanya al-Quran yang menjadi pegangan dan panduan. Kedua-dua kelompok ini telah mendatangkan dalil al-Quran dan juga hadith bagi menguatkan pandangan mereka dengan berbagai alasan, hujah dan pemikiran yang sama sekali terkeluar daripada kontek pemahaman yang betul dan benar. Mereka berhujah bahawa al-Quran telahpun menerangkan setiap perkara dan perlu kepada hadith ataupun sunnah, mereka juga mempersoalkan tentang hadith atau sunnah yang bersifat *zanni*, mereka juga mempersoalakan bahawa hadith tidak terpelihari seperti al-Quran, dan juga mereka mempersoalkan jika hails atau sunnah menjadi sumber dan hujahan syariat Islam kenapa Rasulullah (*s.a.w.*) tidak menyuruh ianya ditulis sebagaimana al-Quran ditulis (al-Siba'i 1985; Abd al-Khaliq 1991, al-Azami dalam Udah Mohsin 1996, Jawiah Dakir 2000).

Penelitian terhadap pandangan dan keingkaran mereka ini adalah hasil daripada ceteknya ilmu pengetahuan mereka terhadap hadith atau sunnah, tidak melakukan penelitian dengan mendalam tentang peranan hadith atau sunnah sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Allah (*s.w.t.*) dalam al-Quran, tidak melakukan kajian meluas dan menguasai ilmu hadith (*ulum al-hadith*) yang amat luas dengan cabang yang berbagai sehingga seseorang yang menguasainya dapat menerima, berlapang dada serta ikhlas menerima sebagai sumber dan hujahan syarak.

**2. Sunnah atau hadith dianggap sebagai satu ajaran palsu yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad (s.a.w.).**

Terdapat golongan atau individu yang beranggapan bahawa sunnah atau hadith sebagai satu ajaran palsu yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad (s.a.w.). Mereka seterusnya beranggapan bahawa hadith atau sunnahlah yang menyebabkan umat Islam lemah dan mundur. Umat Islam lemah dan mundur kerana berlakunya perpecahan dalam kalangan mereka. Semuanya dikaitkan dengan sunnah atau hadith. Mereka mempersoalkan kenapa umat Islam boleh berpecah sedangkan menganut satu agama? Seterusnya mereka mengandaikan: hadith sebagai satu ajaran palsu yang dikaitkan dengan Nabi Muhammadlah yang menjadi salah satu punca perpecahan dan kemunduran itu. Mereka atau individu ini mengakui sekalipun ada hadith yang benar daripada Nabi, tetapi ianya tidak mengikat seperti al-Quran (Kassim Ahmad 1986). Terbaru (Kassim 2014) mendakwa umat Islam mendewa-dewakan Nabi Muhammad, syahadah yang kedua itu satu bukti. Beliau juga mempersoalkan: siapakah yang mewajibkan hadith sebagai satu sumber undang-udang sama seperti Quran dalam masyarakat Islam? Beliau mendakwa Imam Shafi‘e (767-820) yang bertanggungjawab membuat doktrin baru menyatakan hadith satu sumber hukum sama seperti Quran. Seterusnya beliau menulis: “*sebelum beliau, apa yang dikatakan hadith sudah muncul, tetapi bilangannya sedikit sekali dan tidak wajib diikut oleh umat Islam. Sejarah mencatat khalifah-khalifah Abu Bakr, Omar Ibni Khattab, Uthman Ibni Affan dan Ali Abi Thalib memiliki buku-buku nota yang mereka tulis perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan Nabi. Catitan-catitan ini tidak banyak dan hanya menjadi ikutan, jika sesuai, tetapi tidak diwajibkan*”.

Sekali lagi dakwaan ini membuktikan kecetekan ilmu pengetahuan mereka atau individu yang mengatakan demikian. Bukan sahaja cetek dalam ilmu hadith atau sunnah, tetapi juga tentang peranan, tugas dan kedudukan Nabi Muhammad (s.a.w.) sebagaimana yang diungkapkan melalui al-Quran secara qat‘i, mereka cetek dalam ilmu fiqh dan usul fiqh serta sejarah, sumbangan dan peranan para ilmuwan dan ulama Islam termasuk Imam al-Shafi‘e. Mereka juga miskin ilmu sejarah periwayatan, penulisan dan pengumpulan

hadith, miskin ilmu *tadwin al-hadith* (mengumpul dan membuku hadith), lemah dalam berbagai ilmu hadith *riwayah* dan *dirayah* yang mempunyai hampir seratus cabangnya.

Penelitian terhadap sebahagian dakwaan di atas, antaranya hadith atau sunnah sebagai kuasa palsu, bilangan hadith sedikit sekali di peringkat permulaan, ada persamaan dengan dakwaan orientalis terhadap hadith. Antara dakwaan orientalis yang tidak benar sama sekali ialah hadith merupakan rekaan umat Islam terkemudain dan ia tidak ada hubungan dengan nabi Muhammad. Contohnya Ignaz Goldziher (1967) mendakwa bahawa sebahagian besar hadith adalah berpunca daripada perkembangan dalam agama Islam dari segi agama, sejarah dan sosial pada kurun pertama dan kedua. Baginya hadith tidak boleh dianggap bahan sejarah untuk mengenal sejarah Islam pada peringkat awal (*infancy of Islam*). Oleh itu hadith bukanlah sesuatu yang berasal daripada Nabi Muhammad, tetapi timbul di abad terakhir dalam menghadapi perkembangan dan perubahan sosio budaya dan politik. Sehubungan dengan itu, hadith tidak boleh dianggap sebagai sumber penting dalam agama Islam. Pandangan ini banyak mempengaruhi pandangan orientalis yang terkemudian seperti J. Schacht, Graham, G.H.A. Juynboll dan lain-lain (Azami 1968).

### 3. **Salah Faham Terhadap Sunnah Atau Hadith, Penyelewengan dan penyebaran hadith palsu.**

Salah satu cabaran semasa terhadap sunnah atau hadith adalah salah faham dan penyelewengan terhadapnya. Salah faham di sini bukan dirujuk kepada kedudukan, peranan dan fungsinya dalam syariat Islam, tetapi salah faham terhadap kaedah mengamal atau melaksanakannya dalam kehidupan. Islam sebagai *nizam al-hayah* wajar dilaksanakan mengikut kefahaman dan acuan yang betul dan sahih sebagaimana yang dikehendakki oleh Allah (*s.w.t.*) dan Rasulullah (*s.a.w.*). Kegagalan dalam kaedah memamahi sunnah atau hadith, bererti kegagalan dalam melaksanakannya dengan betul dan sahih juga. Terdapat beberapa kaedah yang betul dalam memahami dan melaksanakannya, antaranya melakukan penelitian sebelum mendakwa ianya bertentangan dengan al-Quran agar kefahaman dan pelaksanannya sejajar dan selaras dengan kehendak makksud al-Quran, menghimpun hadith-hadith yang sama dalam satu tajuk, memahaminya melalui sebab dan tujuan ianya disabdakan, membezakan antara

wasilah yang berubah dengan tujuan yang tetap, membezakan antara hakikat dan majaz, membezakan antara perkara yang ghaib dan yang nyata, meneliti yang nasikh dan mansukh, dan melakukan tawfiq dan tarjih antara hadith-hadith yang kelihatan bertentangan.

Unsur penyelewengan dan kemunculan serta penyebaran hadith palsu juga menjadi ancaman dan cabaran yang perlu ditangani bagi membersihkan sumber penting ini. Kajian membuktikan bahawa banyak hadith yang palsu atau yang setarafnya dengan dijadikan sumber hukum dan hujah. Ianya berlaku dalam hal-hal akidah, syariat dan akhlak. Penyebarannya berleluasa sehingga kini sekalipun para ulama hadith telahpun memberikan garis panduan dan manhaj terperinci untuk menyaring dan mengenal pasti hadith palsu dan setarafnya. Bahkan para ulama hadith daripada kalangan *mutaqqidimin* dan *muta'akhirin* telah mencerah usaha menghasilkan kitab-kitab kumpulan hadith yang ditolak sebagai hujah termasuk hadith palsu. Kajian juga menunjukkan hadith palsu dan yang setarafnya berleluasa dalam kalangan masyarakat Melayu melalui sebaran kitab-kitab agama karangan asli atau terjemahan, ceramah di premis agama seperti masjid dan surau, khutbah-khutbah Jumaat, kelas-kelas formal dan tidak formal dan sebagainya. Akses kepada hadith jenis ini amat mudah, secara terbuka serta bebas. Daripada medium sebaran ini, hasil kajian merumuskan bahawa faktor yang menyebabkan tersebarnya hadith palsu dan setarafnya adalah berbagai antaranya keghairahan mengajak manusia kearah kebaikan, sikap ambil mudah dalam kalangan penukil hadith, kurang merujuk kepada kitab asli himpunan hadith sahih dan setarafnya, pembelajaran ilmu hadith tidak mendalam dan meluas dalam semua peringkat masyarakat serta kurangnya terjemahan kitab utama himpunan hadith yang berwasit untuk dijadikan rujukan. Dalam merespon fenomena ini sesuatu usaha kearah penelitian dan kajian semula taraf hadith yang terdapat dalam sumber dan mediumnya yang berbagai dalam kalangan masyarakat Melayu amat perlu dan tidak harus ditunda-tunda. Penelitian ini termasuk dari sudut metodologi penukilan hadith dan juga metodologi pemahaman kandungannya sebagai hujah. Pengajian dan pengajaran hadith yang berautoriti (*sahih* dan yang setarafnya) perlu juga diperluaskan dalam kalangan masyarakat secara teratur dan sistematik, khususnya dalam pengajian tidak formal di premis agama. Pendedahan yang dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah terhadap wujudnya hadith palsu perlu diperluaskan sebagai usaha membenteryas penyebaran yang berterusan. Keperluan ini disebabkan terdapat kesan negatif hadith palsu dan setarafnya terhadap akidah dan syariat umat Islam Melayu. Lebih hebat lagi kesannya apabila ianya dikaitkan dengan golongan yang menolak hadith dengan alasan hadith

tidak lagi sesuai pada masa kini dan berbagai alasan lagi, sedang ada antara hadith tersebut adalah palsu atau setarafnya yang tidak boleh dijadikan hujah dalam sebarang masalah berkaitan Islam (Jawiah Dakir & Udah Mohsin 2003; Jawiah Dakir & Mariam Mohamad 2007; Jawiah Dakir et al 2007-2009, Jawiah Dakir 2009; Jawiah Dakir & Udah Mohsin 2009; Jawiah Dakir et al 2009; Jawiah Dakir & Wan Awang Wan Ali 2010; Ahmad Lutfi, Jawiah Dakir & Mazlan Ibrahim 2013)

#### **4. Usaha Menjatuh Dan Mencemar Sunnah Masa Kini**

Para musuh Islam gagal dalam usaha mereka untuk menjatuhkan Islam dengan mencemarkan dan menimbulkan keraguan terhadap al-Quran. Usaha mereka gagal kerana kesahihan al-Quran disokong dengan fakta sejarah dan ilmiah yang konkrit. Selepas tidak berjaya menimbulkan keraguan terhadap al-Quran, mereka beralih menyerang sumber kedua dalam Islam iaitu sunnah atau hadith. Mereka bukan sahaja membuktikan sunnah atau hadith sebagai rekaan, tetapi yang paling trajis ialah usaha untuk mencemarkan pembawa risalah Allah (*s.w.t.*) iaitu Nabi Muhammad (*s.a.w.*). Antaranya mereka menyerangkan peribadi Baginda dengan dakwaan lucah, memperkecilkan peranan dan kedudukan Baginda dalam syariat Islam dan mendakwa bahawa Baginda hanyalah manusia biasa yang tiada beza dengan manusia yang lain. Serangan mereka disiarkan melalui wadah internet selain karya-karya yang disebarluaskan serta dunia.

Sekali gus dakwaan mereka ini semata-mata untuk mencemar sunnah atau hadith yang menjadi sumber kedua Islam. Apakah motif disebalik semua usaha mereka ini? Antara jawapannya adalah untuk menimbulkan keraguan terhadap sunnah atau hadith yang akhirnya wujud anasir anti-sunnah dan anti-hadith, tidak perlu kepada sunnah dan hadith dalam mengamalkan dan melaksanakan Islam, dan lebih trajis lagi akhirnya akan membawa kepada menolak al-Quran kerana keraguan terhadap utusan-Nya yang menyampaikan risalah-Nya kepada seluruh umat manusia.

## 5. Cabaran Mempertahankan Sunnah atau hadith

Terdapat beberapa cabaran lain dalam mempertahankan sunnah atau hadith, antaranya:

- ✚ Penyatuan fikrah ulama dan ilmuwan Islam terhadap sunnah / hadith sebagai salah satu wadah syariat Islam, dan seterusnya menjadikannya sebagai *nizam al-hayah* setiap mukmin dan muslim.
- ✚ Memperluaskan ilmu sunnah / hadith di setiap peringkat institusi pendidikan; rendah, menengah dan tinggi.
- ✚ Memperkuuh pengetahuan sunnah / hadith dalam kalangan masyarakat awam melalui wadah media yang pelbagai.
- ✚ Melahirkan pelapis bidang sunnah / hadith yang menyambung khidmat terhadap kelangsungan kemurnian khazanahnya dalam zaman yang penuh cabaran dunia tanpa sempadan

## 6. Penutup

Dengan usaha yang gigih dalam mentaati sunnah atau hadith Rasulullah (*s.a.w.*) dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan kecuali keredaan Allah (*s.w.t.*), semoga kita semua tergolong dalam kalangan mukmin dan muslim yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Bukti kita taat kepada Allah dan Rasul-Nya ialah dengan cara melaksanakan ajaran, saranan dan contoh daripada Rasulullah (*s.a.w.*) dalam kehidupan sehari-hari. Inilah bekalan dan saham kita yang dibawa hingga ke akhirat nanti.

## Rujukan

Al-Qurann al-Karim

al-Bukhari, Muhamd b. Isma'il b. Ibrahim. 1991. *Sahih al-Bukhari*. Bayrut: al-Maktabah al-'Asariyyah

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il b. Kathir. 1985. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Bayrut: 'Alam al-Kutub.

Jawiah Dakir. 2014. *Keberadaan al-Mawdu' dalam masyarakat Melayu*. Syarahan Perdana Profesor. Bangi: Penerbit UKM

- Abd al-Khalīq, ‘Abd al-Ghāni. 1991. *al-Radd ‘ala Man Yunkir Hujīyyat sunnah*. Dalam Abu Shābbah, Muhammād b. Muhammād. *Dīfā ‘an sunnah*. Bayrūt: Dar al-Jayl
- Abu Shābbah, Muhammād b. Muhammād. 1991. *Dīfā ‘an sunnah*. Bayrūt: Dar al-Jayl.
- Khalaf, ‘Abd al-Wahhab. 1978. *Usul al-Fiqh*. Kuwayt: Dar al-Qalam.
- Ahmad Lutfī, Jawiah Dakir & Mazlan Ibrahim. 2013. *Nilai Hadith dalam Kitab Durrat al-Nasihin*. Bangi: Penerbit UKM.
- Budah @ Udah Mohsin & Jawiah Dakir. 2009. *Kumpulan Hadith Masyhur Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawiah Dakir & Udah Mohsin. 1992. Kajian Hadith Masyhur dalam Masyarakat Melayu. Penyelidikan di Jabatan Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jawiah Dakir & Budah @ Udah Mohsin. 2003. Kumpulan Hadith-hadith Masyhur. Laporan Kajian Fakulti Pengajian Islam
- Jawiah Dakir & Mariam Muhamad. 2007. Kualiti Hadith dalam Khutbah Jumaat Negeri Sarawak. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Islam anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM pada November 2007.
- Jawiah Dakir, Budah @ Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim & Faisal Ahmad Shah. 2007-2009. Hadith-hadith Masyhur dalam Masyarakat Melayu. Penyelidikan FRGS Kod: UKM-PP-04-FRGS002-2006.
- Jawiah Dakir. 2009. Takhrij hadith Satu Keperluan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Takhrij anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada Disember 2009.
- Jawiah Dakir, Budah @ Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim & Faisal Ahmad Shah. 2009a. Hadith-hadith Masyhur dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis. Dalam *Jurnal al-Bayan*. Kuala Lumpur: APIUM. Bil 28, hlm 133.
- Jawiah Dakir, Budah @ Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim & Faisal Ahmad Shah. 2009b. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Meneguhkan Kembali Kedudukan Hadith. Anjuran Fakultas Ushuluddin dan Filsafat, Universiti Islam Negeri Alauddin, Makassar, Indonesia tanggal 28 Februari 2009, di Hotel Banua Makassar.
- Jawiah Dakir & Wan Awang Wan Ali. 2010. *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- al-Khatīb al-Baghdādī, Abū Bakr Ahmad bin Ḥalīl bin Thābit. t.th. *al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwayah*. al-Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.

Kassim Ahmad. 1986. *Hadith Satu Penilaian Semula*. Petaling Jaya: Medua Interlek Sdn Bhd.

Kassim Ahmad. 2014. Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Halatuju Negara Malaysia Untuk Tiga Puluh Akan Datang. Kertas Kerja Seminar Pemikiran Kassim Ahmad: Suatu Penilaian. Anjuran ahli Jawatankuasa Sahabat Pena Pak Kassim, di Yayasan Kepimpinan Perdana pada 15-16 Februari 2014.

al-Qaradawi, Yusuf. 1981. *Kayfa Ta‘amal ma‘a al-Sunnah al-Nabawiyah*. Virginia: al-Ma‘had al-‘Alami li al-Fikr al-Islami.

al-Siba‘i, Mustafa. 1985. *Makanat sunnah fi Tashri‘ al-Islami*. al-Qahirah: Dar al-Salam.



## AUTORITI HADITH DALAM EPISTEMOLOGI TAFSIR

Oleh:  
Sarinah Yahya<sup>1</sup>

### ABSTRAK

*Hadith sememangnya memiliki autoriti tertinggi selepas al-Qur'an dalam kedudukan sumber ilmu agama Islam. Apatah lagi dalam pendekatan isi kandungan al-Qur'an yang memerlukan pencerahan tafsirannya. Tafsir dan Hadith sangat rapat kaitannya dalam penjelasan al-Qur'an. Kertas kerja ini bertujuan untuk memperincikan sejauhmana hadith berautoriti dalam ilmu Tafsir. Perincian lebih tertumpu menggunakan metode kepustakaan dengan meneliti epistemologi tafsir berpandukan kepada perbincangan dan kupasan pendapat para ulama tentang teori Tafsir. Hasil utama kajian ini akan dapat menjadi benteng utama mengekang penularan fahaman "anti-hadith" dan seterusnya meletakkan kedudukan Hadith Nabawi pada taraf selayaknya.*

### PENDAHULUAN

Kedudukan Hadith pada masa ini dilihat semakin tergugat. Ini berlaku apabila wujudnya golongan yang tidak memperakui autoriti Hadith dalam syari'at Islam. Golongan yang mengingkari Sunnah ini hanya berpegang kepada al-Qur'an semata-mata. Mereka seolah-olah lupa atau sengaja buat-buat lupa atau tidak tahu langsung tentang taraf Hadith selepas al-Qur'an. Jika begitu keadaannya, sebaik-baik cara untuk mengatasi musibah ini ialah dengan berbalik kepada al-Qur'an; iaitu dengan menggunakan skop tafsir ayat-ayat al-Qur'an sebagai kunci utama. Justeru, epistemologi Tafsir itu sendiri perlu dikupas demi satu tujuan iaitu menerangkan salah faham golongan anti-hadith dan yang seumpamanya tentang autoriti Hadith dalam penjelasan makna ayat-ayat al-Qur'an. Jika sudah terbukti Hadith Nabawi berperanan besar dalam pentafsiran al-Qur'an, maka tiada alasan untuk menolaknya pula dalam hal-hal lain berkaitan agama. Perbincangan kajian ini akan hanya terfokus kepada beberapa perkara yang berkaitan saja, kerana matlamat utama penulisan ini ialah menerangkan intipati terpenting untuk mengukuhkan kedudukan dan autoriti Hadith Nabi (*s.a.w.*) dalam arena pentafsiran al-Qur'an.

### TINJAUAN LITERATUR

Epistemologi ditakrifkan sebagai "teori tentang pengetahuan, terutamanya yang berkaitan dengan kajian kritis tentang kesahihan, kaedah, dan skop sesuatu pengetahuan".<sup>2</sup> Ini merangkumi konsep, kejadian dan sumber sesuatu ilmu. Basri bin Husin menyebutkan maksud epistemologi ialah suatu disiplin ilmu yang membincangkan dan menyelidiki asal-usul, sumber, kaedah, proses dan had sesuatu ilmu pengetahuan sehingga membawa kepada pemahaman terhadap kebenaran yang

---

<sup>1</sup> (PhD), Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin, Pensyarah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

<sup>2</sup> Lihat: *Kamus Dewan*. Edisi ke-4. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 398.

hakiki.<sup>3</sup> Secara ringkas, epistemologi boleh disimpulkan maksudnya sebagai pengertian istilah sesuatu ilmu.

Ulama dulu dan kini telah banyak memberikan pelbagai definisi “Tafsir”. Al-Zarkashi mendefinisikan Tafsir sebagai suatu ilmu memahami Kitab Allah yang diturunkan kepada NabiNya Muhammad (*s.a.w.*), penerangan makna dan pengertiannya, mengeluarkan hukum-hukum dan ilmu pengetahuan di dalamnya. Ilmu ini dibantu oleh Ilmu Bahasa Arab, Nahu, Saraf, Ilmu Bayan, Usul Al-Fiqh, al-Qira’at dan memerlukan pengetahuan tentang sebab penurunan ayat, nasikh dan mansukh.<sup>4</sup>

Ada pula yang mendefinisikan Tafsir itu sebagai satu ilmu untuk mengetahui turunnya ayat-ayat al-Qur'an, keadaan dan latar belakangnya, kisah-kisahnya dan sebab-sebab ayat-ayat itu diturunkan. Seterusnya susunan *Makkiyyah* dan *Madaniyyahnya*, *muhkam* dan *mutashabihnya*, *nasikh* dan *mansukhnya*, khas dan amnya, *mutlak* dan *muqayyadnya*, ringkas dan perinciannya, halal dan haramnya, janji baik dan janji buruknya, suruhan dan tegahannya, pengajaran dan perumpamaannya.<sup>5</sup>

Abu Hayyan al-Andalusi memberikan takrif Tafsir sebagai ilmu yang membahaskan tentang bagaimana menuturkan lafaz-lafaz al-Qur'an, *madlul-madlulnya*, hukum-hukum yang bersifat *ifrad* dan *tarkib* dan juga makna-makna yang dikandung oleh ayatnya dalam bentuk susunan.<sup>6</sup>

Sementara itu, al-Zahabi pula menjelaskan Ilmu Tafsir itu ialah satu ilmu yang membahaskan apa yang dikehendaki oleh Allah melalui ayat-ayatNya sesuai dengan kadar kemampuan atau tahap pemikiran manusia. Ianya merangkumi apa-apa yang berkaitan dengannya iaitu dalam memahami makna dan menerangkan apa yang dimaksudkan.<sup>7</sup> Takrif ini menyamai dan bertepatan dengan definisi-definisi yang telah disebutkan.

Jika diteliti semua definisi Tafsir yang telah disebutkan, dan juga pelbagai pengertian lain bagi ilmu Tafsir yang diberikan oleh para ulama, tiada yang jelas menyebutkan tentang autoriti Hadith Nabawi dalam menerangkan ayat-ayat al-Qur'an menerusi penjelasan tafsirannya. Namun hakikatnya, di sebalik kepelbagaian pengertian itu tersirat maksud Hadith yang autoritatif berperanan besar dalam memberi penjelasan lanjut tentang tafsir ayat-ayat al-Qur'an.

---

<sup>3</sup> Basri bin Husin. (2009). “Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat dan Sumber-Sumber Ilmu dalam Tradisi Islam”. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 30. Rejab 1430H Julai 2009 – Zulhijjah 1430H Disember 2009. h. 188.

<sup>4</sup> Al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad bin ‘Abd Allah. (2001). *Al-Burhan fi ‘Ulum al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. j. 1. h. 33.

<sup>5</sup> Al-Suyuti, Jalaluddin ‘Abd al-Rahman bin Abu Bakr. (1998). *Al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Jiil. j. 2. h. 516.

<sup>6</sup> Abu Hayyan al-Andalusi, Muhammad bin Yusof. (1992). *Al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir*. Beirut: Dar al-Fikr. j. 1. h. 26.

<sup>7</sup> Al-Zahabi, Muhammad Hussayn. (2005). *Al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Mesir, Avand Daanesh. j. 1. h. 15.

## PERANAN HADITH DALAM TAFSIR AL-QUR’AN

Satu kenyataan yang tidak dapat disangkal bahawa Hadith Nabi (*s.a.w.*) memiliki autoriti yang utama dalam menerangkan ayat-ayat al-Qur'an. Allah (*s.w.t.*) menegaskan hal ini dalam beberapa ayatNya, seperti mana firmanNya:

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَبَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَيْنَكُمْ ﴾

<sup>8</sup> ﴿ وَلَا تَكُنْ لِلْخَآءِبِينَ حَصِيمًا ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (*al-Qur'an*) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat”.

﴿ بِالْبَيِّنَاتِ وَالْأَزْبَرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ ﴾

<sup>9</sup> ﴿ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya: “(Kami utuskan *rasul-rasul* itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan *Kitab-kitab* suci (yang menjadi panduan); dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) *al-Qur'an* yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya”.

﴿ وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَبَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ هُمُ الَّذِي أَخْتَلُفُوا فِيهِ ﴾

<sup>10</sup> ﴿ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴾

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami menurunkan *al-Qur'an* kepadamu (wahai Muhammad) melainkan supaya engkau menerangkan kepada mereka akan apa yang mereka berselisihan padanya; dan supaya menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman”.

Rasulullah (*s.a.w.*) sememangnya diutuskan untuk memberi peringatan kepada manusia agar mengikuti jalan yang lurus dalam agama Islam. Allah (*s.w.t.*) berfirman:

<sup>8</sup> Surah al-Nisa', 4: 105.

<sup>9</sup> Surah al-Nahl, 16: 44

<sup>10</sup> Surah al-Nahl, 16: 64

﴿ طه ﴿ مَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْءَانَ لِتَشْفَقَ إِلَّا تَذَكَّرَ لِمَنْ

<sup>11</sup> ﴿ سَخَّنَشَى ﴾

Maksudnya: “Taa' Haa. Kami tidak menurunkan al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau menanggung kesusahan. Hanya untuk menjadi peringatan bagi orang-orang yang takut melanggar perintah Allah”.

Allah (s.w.t.) mengakui kebenaran segala percakapan RasulNya (s.a.w.) dengan mengiktirafnya juga sebagai wahyu, sebagaimana firmanNya:

﴿ وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَى إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى ﴾<sup>12</sup>

Maksudnya: “Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahanan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya”.

## Sumber Kedua

Hadith Nabawi terletak pada tingkat yang kedua selepas al-Qur'an sebagai sumber pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an. Sumber pertama adalah dari ayat-ayat al-Qur'an juga. Jika sekiranya tiada keterangan daripada ayat-ayat al-Qur'an yang lain, maka dirujuk kepada Hadith Nabi (s.a.w.) Antara contohnya seperti yang diriwayatkan oleh 'Adiy bin Hatim, Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

«إِنَّ الْغَضُوبَ عَلَيْهِمْ هُمُ الْيَهُودُ، وَإِنَّ الضَّالِّينَ هُمُ النَّصَارَى»<sup>13</sup>

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang dimurkai Allah itu ialah orang-orang Yahudi, dan sesungguhnya orang-orang yang sesat itu ialah orang-orang Nasrani”.

Misal lain lagi seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dari Ibn Mas'ud (r.a.) ia berkata: Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

«صَلَاةُ الْوَسْطَى صَلَاةُ الْعَصْرِ»<sup>14</sup>

Maksudnya: “Sesungguhnya Solat al-Wusta ialah Solat Asar”.

<sup>11</sup> Surah Taha, 20: 1-3.

<sup>12</sup> Surah al-Najm, 53: 3-4.

<sup>13</sup> Ahmad bin Hanbal. (1998). *Musnad Ahmad*. Beirut: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah. No. 19600. h. 1318, dan lihat: al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (1999). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. j. 1. h. 110-114.

<sup>14</sup> Al-Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. (2000). *Al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Kitab Tafsir al-Qur'an. Bab: Min Surat al-Baqarah. No. 2985. h. 795.

Sungguhpun demikian, jika diambil dari sudut pentafsiran ayat al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an, maka Hadith Nabawi naik ke tingkat pertama dalam susunan sumber Tafsir,<sup>15</sup> di bawah kategori Tafsir bi al-Ma'thur. Perbincangan tentang Tafsir bi al-Ma'thur akan diterangkan kemudian.

### **Had Penerangan Nabi (s.a.w.) terhadap Al-Qur'an**

Persoalan selalu ditimbulkan tentang sejauhmana Nabi (s.a.w.) berperanan dalam menerangkan makna isi kandungan al-Qur'an. Adakah kesemua ayat al-Qur'an ditafsirkan dan diterangkan oleh Baginda, atau sebahagian sahaja?

Bagi menjawab persoalan ini, sebaiknya dilihat dari kedua-dua sudut persoalan itu juga, kerana memang ada ulama yang mengatakan bahawa Nabi (s.a.w.) menerangkan keseluruhan isi kandungan al-Qur'an dan ada juga yang berpendapat bahawa Nabi (s.a.w.) hanya menerangkan sebahagian kecil saja dari ayat-ayat al-Qur'an.

Ibnu Taymiyyah berpendapat bahawa Nabi (s.a.w.) menerangkan kepada para Sahabat (r.a.) kesemua makna al-Qur'an, sebagaimana Baginda (s.a.w.) mengajarkan lafaz dan ayat-ayat al-Qur'an. Alasan beliau ialah yang dimaksudkan daripada setiap percakapan itu ialah memahami maknanya, bukan hanya lafaz percakapan semata-mata. Jika begitu, maka al-Qur'an lebih utama lagi dengan yang demikian. Juga mengikut kebiasaannya jika kita membaca sebuah buku dalam satu bidang ilmu, misalnya ilmu kedoktoran atau ilmu hisab, lalu tidak menjelaskan atau tiada penerangan lanjut, maka bagaimana pula kalam Allah yang merupakan keselamatan dunia akhirat bagi umat Islam. Seterusnya Ibnu Taymiyyah berhujah dengan apa yang dikatakan oleh Abu 'Abd al-Rahman bin al-Sulami: Telah bercerita kepada kami orang-orang yang mengajarkan kami al-Qur'an – seperti 'Uthman bin 'Affan, Abdullah bin Mas'ud dan yang lainnya – mereka itu apabila belajar daripada Nabi (s.a.w.) sepuluh ayat, mereka tidak akan melepasnya sehingga mereka mempelajari kesemua ilmu dan amalan yang terkandung di dalamnya. Lalu mereka berkata: Maka kami belajar al-Qur'an; iaitu ilmu dan amalan serentak keseluruhannya.<sup>16</sup>

Sebenarnya apa yang dihujahkan oleh Ibnu Taymiyyah daripada kata-kata Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami itu bukanlah bermaksud bahawa para Sahabat (r.a.) merujuk kepada Nabi (s.a.w.) dalam memahami makna keseluruhan ayat-ayat al-Qur'an. Bahkan maksud sebenar yang dapat difahami dari kata-kata tersebut ialah mereka menyatukan atau menggabungkan ilmu dengan amal; yakni bukan semata-mata menuntut ilmu sahaja malah juga mempraktikkan dan mengamalkan ilmu yang dipelajari. Para Sahabat (r.a.) tidak merujuk kepada Nabi (s.a.w.) dalam pentafsiran kesemua ayat-ayat al-Qur'an.<sup>17</sup>

Sementara dalam hal mengkiaskan pemahaman al-Qur'an dengan mempelajari ilmu-ilmu dan bidang pengetahuan yang lain, seperti ilmu kedoktoran, ilmu hisab dan

<sup>15</sup> Lihat: Al-Baridi, Ahmad bin Muhammad. (1427H). "Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an Dirasah Ta'siliyyah". *Majallat Ma'had al-Imam al-Shatibi li Al-Dirasat al-Qur'aniyyah*. Bil. 2. Zulhijjah 1427H. [http://www.shatiby.edu.sa/mag/magallah2/01\\_2.pdf](http://www.shatiby.edu.sa/mag/magallah2/01_2.pdf). h. 23.

<sup>16</sup> Ibn Taymiyyah, Taqy al-Din Ahmad bin 'Abd al-Halim. (1997). *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*. ed. 2. Beirut: Dar Ibn Hazm. h. 18-19.

<sup>17</sup> Lihat: Musa, Ahmad al-Shahat Ahmad. (t.t.). *Al-Dakhil fi al-Tafsir*. (t.p.). h. 18.

sebagainya, di mana ia memerlukan kepada orang lain untuk menerangkan setiap perincian ilmu tersebut, maka hal ini tidak dapat disamakan sama sekali dengan tahap kefahamanan para Sahabat (*r.a.*). Nabi (*s.a.w.*) telah menerangkan kepada para Sahabat kebanyakan perincian al-Qur'an. Juga mereka bergantung sepenuhnya dengan anugerah yang Allah kurniakan kepada mereka dari kecerdasan minda dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan dalam bahasa ibunda mereka sendiri. Jika benar mereka mendengar daripada Nabi (*s.a.w.*) tafsiran kesemua ayat-ayat al-Qur'an, nescaya tiada riwayat *dinaqalkan* daripada mereka tentang kepelbagaiannya pendapat dalam memahami ayat al-Qur'an.<sup>18</sup>

Al-Suyuti pula ada menyebutkan pandangan berbeza yang diambil dari ulama lain bahawa para Sahabat (*r.a.*) tidak mendengar daripada Rasulullah (*s.a.w.*) tentang tafsiran al-Qur'an kecuali sedikit sahaja.<sup>19</sup>

Dalam hal ini pula, boleh kita katakan bahawa pendapat tersebut tidak sepakat dengan apa yang disebutkan dalam kitab-kitab Sunnah; di mana terdapat banyak tafsir ayat-ayat al-Qur'an yang diriwayatkan dari Rasulullah (*s.a.w.*). Misalnya kitab Sahih Bukhari sahaja mengandungi sebuah kitab khas untuk Tafsir, termasuk riwayat tafsir yang *ma'thur* daripada Rasulullah (*s.a.w.*). Imam Ibnu Hajar menyebutkan bahawa kitab Tafsir di dalam kitab Sahih Bukhari merangkumi lima ratus empat puluh lapan hadith; terdiri daripada Hadith-Hadith *Marfu'* dan hadith-hadith yang sama taraf dengannya.<sup>20</sup>

Justeru, terbukti bahawa Nabi (*s.a.w.*) menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an untuk Sahabat Baginda apa-apa yang mereka berhajat kepada tafsirannya sahaja. Ini bermaksud jika Sahabat mempunyai kemusykilan dalam memahami sebahagian ayat-ayat al-Qur'an, barulah mereka bertanyakan hal tersebut kepada Nabi (*s.a.w.*). Al-Qur'an terdiri daripada ayat-ayat yang tidak perlu kepada penerangan terperinci, sebagaimana juga terdapat ayat-ayat yang hanya Allah saja yang Maha Mengetahui akan maksudnya. Ibnu 'Abbas (*r.a.*) berkata: "Tafsir ada empat bentuk: Satu bentuk

<sup>18</sup> Seperti sebuah riwayat dari Imam Bukhari dengan *sanadnya* melalui Sa'id bin Jabir daripada Ibnu 'Abbas bahawa dia berkata: 'Umar telah masuk berjumpa aku bersama-sama orang-orang tua yang telah berperang dalam peperangan Badar seolah-olah sebahagian daripada mereka ada masalah yang hendak diselesaikan. Sebahagian mereka berkata: Mengapa engkau berjumpa orang ini bersama-sama kami sedangkan kami ada anak-anak seumpamanya? Maka 'Umar berkata: Ia sedia maklum bagi kamu. Pada suatu hari 'Umar memanggil mereka lalu memasukkan aku dalam kalangan mereka. Aku berpendapat bahawa 'Umar memanggil aku pada ketika itu untuk memperlihatkan mereka. 'Umar berkata: Apakah pendapat kamu tentang firman Allah (s.w.t.): ﴿إِذَا حَاءَ نَصْرٌ لِلَّهِ وَالْفَتْحُ﴾

﴿؟﴾ Sebahagian mereka berkata: Allah (s.w.t.) memerintahkan kami supaya memuji Allah (s.w.t.) dan meminta kemampuan daripadaNya apabila kami menang dan diberikan pembukaan kota Mekah bagi kami. Manakala sebahagian yang lain berdiam diri dan tidak berkata apa-apa. 'Umar berkata kepada aku: Adakah pendapat engkau seperti itu wahai Ibnu 'Abbas? Maka aku berkata: Tidak. 'Umar berkata: Apa pendapat engkau? Maka aku berkata: Ia adalah ajal Rasulullah (*s.a.w.*) yang aku tahu. Baginda berkata: ﴿إِذَا حَاءَ نَصْرٌ لِلَّهِ وَالْفَتْحُ﴾ itu adalah ajal engkau, ﴿فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ﴾ ﴿كَانَ تَوَابًا﴾. Maka 'Umar berkata: Aku tidak tahu tentangnya melainkan apa yang engkau katakan. (Bukhari. Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Tafsir. Bab Qauluhu: ﴿فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ﴾ كَانَ تَوَابًا No. 49970. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. h. 918).

<sup>19</sup> Al-Suyuti. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. j. 2 h. 518.

<sup>20</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. (1379H). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. j. 8. h. 743.

yang dikethui oleh orang Arab melalui bahasanya, satu bentuk yang mesti diketahui oleh semua orang, satu bentuk hanya diketahui oleh ulama dan satu bentuk lagi hanya diketahui oleh Allah (*s.w.t.*)”.<sup>21</sup>

Topik had sejauhmana Nabi (*s.a.w.*) menerangkan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an bukanlah satu isu yang perlu diperdebatkan secara mendalam. Apa yang jelas dari perbincangan ini, autoriti Hadith Nabi (*s.a.w.*) dalam tafsir ayat-ayat al-Qur'an itu wujud dan amat signifikan sekali serta selaras dengan dalil-dalil dari al-Qur'an sendiri.

### Tafsir bi Al-Ma'thur

*Tafsir bi Al-Ma'thur* ialah salah satu jenis pentafsiran al-Qur'an. Ia merangkumi empat bahagian nukilan tafsir iaitu tafsir yang dinukilkan daripada Allah (*s.w.t.*) di dalam al-Qur'an, yang dinukilkan daripada Nabi (*s.a.w.*), yang dinukilkan daripada para Sahabat (*r.a.*) dan yang dinukilkan daripada para Tabi'in.<sup>22</sup>

Jika dilihat dari sudut nukilan jenis pertama iaitu Tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an, ia bermaksud penerangan satu atau beberapa ayat al-Qur'an dengan ayat yang lain. Kategori ini mempunyai dua cara<sup>23</sup> iaitu:

(1) Wahyu; di mana ada dua keadaan iaitu:

- i. Apa yang jelas didatangkan dan diterangkan dalam al-Qur'an itu sendiri, seperti firman Allah (*s.w.t.*):
- ii.

﴿ الْقَارِعَةُ ﴾ مَا الْقَارِعَةُ ﴿ وَمَا أَدْرِكَ مَا الْقَارِعَةُ ﴾ ﴿ يَوْمٌ ﴾  
يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْثُوثِ ﴿ ۱﴾

Maksudnya: “*Hari yang menggemparkan. Apa dia hari yang menggemparkan itu? Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari yang menggemparkan itu? (Hari itu ialah: hari kiamat), hari manusia menjadi seperti kelakutu yang terbang berkeliaran*”.

- iii. Apa yang datang keterangannya daripada Nabi (*s.a.w.*); di mana Baginda Nabi (*s.a.w.*) menggunakan ayat al-Qur'an untuk menafsirkan ayat al-Qur'an yang tidak difahami. Sebagai contoh, tafsiran perkataan “zalim” dalam ayat:

<sup>21</sup> Al-Tabari.. *Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Qur'an*. j. 1. h.57 dan Al-Suyuti. *Al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur'an*. j. 2. h. 537.

<sup>22</sup> Lihat: Abu Shahbah, Muhammad bin Muhammad. (1408H). *Al-Isra’iliyyat wa al-Mawdu’at fi Kutub al-Tafsir*. Mesir: Maktabat al-Sunnah. h. 43-44 dan Abu Shahbah, Muhammad bin Muhammad. (2006). *Israiliyyat dan Hadith Palsu dalam Kitab-Kitab Tafsir*. Hasnan bin Kasan (Penterjemah). Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. h. 48.

<sup>23</sup> Lihat: Al-Baridi. “Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an Dirasah Ta'siliyyah”. h. 19-20.

<sup>24</sup> Surah al-Qaari‘ah, 101: 1-4.

﴿ الَّذِينَ ءاْمَنُوا وَلَمْ يَلِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ اُولَئِكَ لَهُمُ الْآَمْنُ وَهُمْ

<sup>25</sup> مُهَتَّدُونَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (*syirik*), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan mereka lah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”.

Diriwayatkan daripada Ibnu Mas‘ud bahawa dia berkata: Apabila turun ayat di atas, ia telah menyempitkan perasaan para Sahabat. Lalu mereka berkata: Wahai Rasulullah, siapakah dari kalangan kami yang tidak pernah menzalimi dirinya? Baginda berkata: “Ayat itu bukanlah seperti yang kamu maksudkan. Tidakkah kamu mendengar apa yang dikatakan oleh seorang hamba yang soleh <sup>26</sup> ﴿إِنَّ الشَّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ﴾, maksudnya ialah *syirik*”<sup>27</sup>.

(2) Pendapat Akal dan Ijtihad; di mana mufassir berijtihad bahawa satu ayat al-Qur'an ditafsirkan dengan satu ayat al-Qur'an yang lain. Kemudian pendapat ijtihad sebegini terbuka untuk diteliti dan dibincangkan oleh para mufassir yang lain. Contohnya seperti ayat:

<sup>28</sup> ﴿ حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ ﴾

Maksudnya: “Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai, dan darah”.

Imam Ibnu Kathir berkata: “dan الدَّمُ (darah) bermaksud المسفوح (yang mengalir), seperti firman Allah:

<sup>29</sup> ﴿ أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا ﴾

Maksudnya: “darah yang mengalir”.

Sebagaimana Ibnu ‘Abbas dan Sa‘id bin Jabir juga mengatakan demikian”.<sup>30</sup>

Sungguhpun terdapat pendapat yang kurang bersetuju untuk memasukkan nukilan tafsir ayat al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an dalam bahagian *Tafsir bi al-Ma'thur*,<sup>31</sup> namun ini merupakan isu yang tidak penting. Apa yang nyata, pentafsiran ayat al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an yang lain juga dikira sebagai pentafsiran al-Qur'an dengan Hadith Nabi (*s.a.w.*); jika dirujuk kepada keadaan yang kedua iaitu melalui

<sup>25</sup> Surah al-An'aam, 6: 82.

<sup>26</sup> Surah Luqman, 31: 13.

<sup>27</sup> Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab Ahadith al-Anbiya'. Bab Qawl Allah Ta'ala: ﴿ وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا ﴾ No.3360. h. 597.

<sup>28</sup> Surah al-Maa'idah, 5: 3.

<sup>29</sup> Surah al-An'aam, 6:145.

<sup>30</sup> Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (1419H). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. j. 3. h. 11-12.

<sup>31</sup> Lihat: Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah. (2006). *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufassirin*. ed. 2. Damshiq: Dar al-Qalam. h. 200.

Nabi (*s.a.w.*). Ringkasnya, Hadith Nabawi berperanan besar dalam menerangkan tafsir ayat al-Qur'an melalui tafsiran ayat dengan ayat yang lain.

### Sebab Nuzul Al-Qur'an

Perbahasan tentang sebab turunnya ayat-ayat al-Qur'an ialah salah satu entiti terbesar dalam epistemologi Tafsir. Ia memperincikan sebab-sebab diturunkan sesuatu atau beberapa ayat dan juga hal ehwal sekeliling yang terjadi di masa turunnya ayat tersebut. Nampak jelas dari sini autoriti Hadith Nabi (*s.a.w.*) di mana sebab nuzul ayat al-Qur'an kesemuanya bersumberkan dari Baginda Rasulullah (*s.a.w.*). Walaupun sebahagiannya diriwayatkan melalui penceritaan para Sahabat (*r.a.*) yang ada semasa turunnya ayat tersebut dan melihatnya sendiri, tetap juga diperakui autoriti Hadith memainkan peranan yang besar dalam ilmu Tafsir al-Qur'an.

Al-Zarqani berkata: "Tiada jalan untuk mengetahui sebab turun ayat kecuali dengan *naql* yang sahih"; iaitu dengan jalan riwayat dan mendengar sendiri daripada para Sahabat (*r.a.*) yang melihat kejadian diturunkan ayat-ayat al-Qur'an itu dan tahu akan sebab turunnya.<sup>32</sup>

### Riwayat *Isra'iliyyat*

Walaupun perbincangan tentang riwayat *Isra'iliyyat* sangat jelas tidak termasuk dalam kajian epistemologi Tafsir, namun kewujudannya sikit sebanyak memberi impak, sama ada positif mahu pun negatif dalam memberikan penerangan makna ayat-ayat al-Qur'an. Oleh kerana itu, penulis berpendapat isu ini perlu juga diketengahkan bagi memberi gambaran jelas perihal kedudukan riwayat *Isra'iliyyat*. Ini kerana terdapat sebahagian riwayat *Isra'iliyyat* disandarkan kepada Baginda Nabi (*s.a.w.*).

Riwayat *Isra'iliyyat* bermaksud kisah atau cerita yang diriwayatkan dari sumber Israel atau Yahudi. Sungguhpun perkataan "*Isra'iliyyat*" secara zahirnya menunjukkan kisah-kisah yang diiriwayatkan dari sumber Yahudi, akan tetapi ianya digunakan juga oleh ulama tafsir dan hadith dengan maksud yang lebih luas daripada maksudnya yang asal. Dalam istilah mereka, "*Isra'iliyyat*" ialah semua cerita lama yang masuk ke dalam tafsir dan hadith, bersumber dari Yahudi dan Nasrani atau selain dari keduanya. Bahkan sebahagian ulama tafsir dan hadith telah memperluaskan lagi makna *Isra'iliyyat* dengan cerita yang dimasukkan oleh musuh-musuh Islam, sama ada dari Yahudi atau sumber selain daripada itu. Lalu, cerita-cerita tersebut dimasukkan ke dalam tafsir dan hadith, yang tiada asas sama sekali. Ia adalah cerita dongeng ciptaan musuh-musuh Islam untuk merosakkan akidah umat Islam.<sup>33</sup>

Para ulama sependapat dalam membahagikan hukum riwayat *Isra'iliyyat* ini berdasarkan kesesuaiannya dengan syariat Islam kepada tiga bahagian, iaitu:

- (1) Apa yang sesuai dan menepati syariat Islam, dapat diakui dan boleh diriwayatkan.

---

<sup>32</sup> Al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim. (2004). *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*. ed. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. h.68.

<sup>33</sup> Lihat: Al-Zahabi, Muhammad Husayn. (1985). *Al-Isra'iliyyat fi al-Tafsir wa al-Hadith*. ed. 2. Damhiq: Dar al-Iman. h. 19-20.

- (2) Apa yang tidak menepati atau bertentangan dengan syariat Islam, mesti ditolak dan haram meriwayatkannya; kecuali pada situasi menerangkan kesalahannya.
- (3) Apa yang didiamkan oleh syariat Islam, iaitu tiada dalil yang menyokong atau menolaknya, maka tidak dihukumkan dengan apa-apa. Dibolehkan meriwayatkannya kerana sebahagian besar riwayat *Isra’iliyyat* bahagian ini lebih menjurus kepada *Qasas* atau kisah-kisah al-Qur'an dan bukannya masalah akidah dan hukum hakam agama.<sup>34</sup>

Dari pembahagian hukum yang dinyatakan ini, Rasulullah (*s.a.w.*) ada memainkan peranan dalam menerangkan kesahihan dan kebatilan riwayat *Isra’iliyyat*. Contohnya sebuah riwayat Imam Bukhari, dari Abu Sa‘id al-Khudri (*r.a.*) ia berkata: bahawa Rasulullah (*s.a.w.*) bersabda: “Bumi pada hari kiamat nanti seperti sebuku roti. Allah memegangnya dengan kekuasaanNya, sebagaimana seseorang menggenggam sepotong roti di perjalanan. Ia merupakan tempat bagi ahli syurga. Kemudian datang seorang lelaki Yahudi, dan berkata: Semoga Allah mengagungkan engkau wahai Abu al-Qasim, tidaklah aku ingin menceritakan kepadamu tempat ahli syurga pada hari kiamat nanti? Rasulullah (*s.a.w.*) menjawab: Ya, tentu. Kemudian lelaki tadi menyatakan bahwasanya bumi ini seperti segenggam roti sebagaimana dinyatakan Nabi. Kemudian Rasulullah (*s.a.w.*) melihat kami semua, lalu tertawa sampai terlihat geraham giginya”<sup>35</sup> Contoh lain lagi seperti kisah sahabat Nabi Musa (A.S.) yang disebutkan dalam al-Qur'an, ayat 60-82 dari Surah al-Kahfi, telah dinyatakan di dalam hadith sahih bahawa beliau ialah Khidir (*a.s.*)<sup>36</sup>

Nyata dari contoh-contoh yang dipaparkan ini bahawa Hadith Nabi (*s.a.w.*) juga berautoriti dalam menjelaskan butiran riwayat *Isra’iliyyat* dalam pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an. Ini jelas menjadi senjata yang paling ampuh dalam mempertahankan kesucian al-Qur'an daripada kemasukan anasir-anasir jahat dan fahaman batil.

## KESIMPULAN

Ketinggian autoriti Hadith Nabi (*s.a.w.*) dalam epistemologi Tafsir diperakui dalam al-Qur'an sendiri. Dari perbincangan terbatas ini dapat disimpulkan bahawa sememangnya Hadith Nabawi berperanan penting dan utama dalam menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an. Perkara ini perlu diketahui oleh umat Islam, khasnya pada masa kini sebagai senjata utama menangkis tafsiran palsu terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Dalam masa yang sama juga dapat mematahkan hujah golongan anti-hadith atau golongan ingkar Sunnah yang sekian lama menolak autoriti Hadith.

---

<sup>34</sup> Ibid. h. 68.

<sup>35</sup> Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Riqaq. Bab Yaqbidhu Allah al-Ardh. No. 6520. h. 48.

<sup>36</sup> Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-‘Ilm. Bab Ma Tustahabbu li al-‘Alim Iza Su’ila: Ayyu al-Naas A’lam? Fayakilu al-‘Ilm ila Allah. No. 122. h. 48

## **SAHABAT DAN SUNNAH NABI : STUDI ATAS METODOLOGI PEMAHAMAN & APLIKASI**

Oleh:  
Abd Rauf Muhammad Amin<sup>1</sup>

### **ABSTRAK**

*Serangan dan hujatan terhadap sumber-sumber Islam tidak pernah berhenti bahkan semakin menjadi trend yg sangat nyata.Dalam keyakinan umat Islam sumber rujukan setelah al-Quran dan Sunnah adalah Sahabat. Sahabat oleh umat Islam diyakini sebagai orang yg paling memahami Islam kerana mereka menyaksikan langsung turunnya al-Quran dan menyaksikan langsung tindak tanduk Nabi. Dalam kenyataannya sahabat tidak jarang berbeza dengan Nabi sama ada masa beliau hidup mahupun selepas meninggal. Kenyataan ini menimbulkan isu krusial dalam kajian hadith khasnya dan dalam pemikiran Islam secara amnya. Kertas kerja ini hendak membincangkan isu perbezaan Sahabat dengan Sunnah Nabi dengan mengajukan rumusan seperti berikut; Bagaimana cara Sahabat memperlakukan Sunnah Nabi; Metodologi apa yg digunakan oleh sahabat dalam memahami dan menerapkan sunnah Nabi; mengapa dan apa punca perbezaan sahabat dengan Sunnah Nabi? ; layakkah perbezaan sahabat disebut sebagai pembangkangan terhadap wahyu Allah? Mengikut hasil penyelidikan, kertas kerja ini mendapatkan bahawa generasi sahabat adalah generasi yg paling komitmen dengan ajaran ajaran Sunnah Nabi dan pembacaan kontemporari terhadap Sunnah Nabi memiliki kererbatasan dalam menangkap instrument penting dalam memahami Sunnah dan instrument yg dimaksud ialah konteks Sunnah itu sendiri, hal mana dimiliki secara penuh oleh sahabat.*

**Kata Kunci:** *Sahabat, Sunnah Nabi, Metode Pemahaman dan Penerapan.*

### **PENDAHULUAN**

Otoritas Sahabat Nabi dalam proses memahami dan menerapkan ajaran-ajaran Islam yg terkandung dalam al-Quran dan Sunnah Nabi merupakan salah satu isu sentral dalam kajian dan studi Islam. Dalam kajian hukum Islam terutama dari perspektif metodologinya, meskipun ulama ushul berbeda pandangan mengenai kedudukan perilaku Sahabat (Qaul al-Sahabah, Madzhab al-Sahabah) namun hampir semuanya menegaskan pentingnya merefer ke generasi Sahabat dalam memahami kedua sumber utama Islam. Sehingga untuk memperoleh maksud dan makna kedua sumber itu maka referensi Sahabat adalah sebuah kemestian dan mengabaikannya merupakan faktor utama kegagalan dalam mendapatkan ketepatan makna.

Posisi penting dan sentral yang dimiliki oleh Sahabat Nabi sedemikian tentu bukan sesuatu apriori dan tanpa alasan atau argumen. Argumen normatif yang sering diajukan ialah adanya penegasan berbagai ayat dan Hadith Nabi yang memberi pengakuan terhadap keadilan Sahabat atau keterpercayaan mereka dalam hal-hal agama. Keadilan itu meniscayakan ketidakmungkinan Sahabat menyelewengkan pemahaman agama kerana dorongan Nafsu atau ambisi dan kepentingan pribadi dan golongan. Meyakini kemungkinan terjadinya perkara demikian akan berakibat sangat fatal bagi keimanan seseorang. Sementara alasan-alasan faktual bagi otoritas pandangan-pandangan keagamaan Sahabat ialah kesaksian mereka terhadap turunnya wahyu kerana mereka hidup sezaman dengan Nabi, mereka lah yang telah menyaksikan berbagai peristiwa yang mengundang respon wahyu baik berupa ayat al-

---

<sup>1</sup> Dr. Abd. Rauf Muhammad Amin, adalah Pensyarah Kanan Kunjungan Fakulti Syariah Kolej Universiti Perguruan Ugama Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam.

Quran maupun Sunnah Nabi, mereka juga menyaksikan langsung ucapan-ucapan dan pesan-pesan Nabi dari bibir Nabi tanpa perantara. Mereka pula melakukan dialog langsung dengan Nabi seputar berbagai isu yang terjadi dalam internal umat Islam di zaman kenabian.

Sejarah Islam mencatat bahawa, dalam menghadapai dinamika umat Islam samaada yang berkaitan dengan kehidupan internal umat maupun yang terkait dengan isu eksternal, Nabi seringkali melibatkan Sahabat-Sahabatnya dalam memberi pandangan untuk mendiskusikan dan menyelesaikan problematika yang muncul. Dalam kes-kes tertentu Nabi memilih pandangan Sahabatnya ketimbang pendapatnya sendiri. Dari kenyataan ini tidak jarang pengkaji Islam menegaskan bahawa Sunnah Nabi tidak hanya bersumber dari wahyu tapi juga dari pengalaman-pengalaman Nabi sebagai manusia sama ada hasil upaya pemikirannya sendiri maupun dari kontribusi pemahaman Sahabat-sahabatnya.

Sumbangan pemikiran Sahabat Nabi dalam menyelesaikan persoalan-persoalan keumatan terinspirasi oleh penegasan Nabi sendiri mengenai unsur kemanusiaan yang melekat pada dirinya sehingga menimbulkan kesadaran tersendiri dalam pikiran para Sahabatnya bahawa memang benar ada hal-hal yang dapat didiskusikan dari apa yang ditimbulkan oleh Nabi.

Dalam sejarah Sahabat Nabi terlihat Umar bin Khattab adalah sosok Sahabat yang paling sering berani mengajukan pandangan yang berbeza dengan apa yang telah digariskan oleh Nabi sendiri samaada ketika baginda Rasulullah masih hidup maupun setelah baginda meninggal. Yang sangat menarik perhatian kita ialah bahawa pandangan-pandangan yang diajukan oleh Umar seringkali diakui dan selanjutnya dipilih oleh Nabi untuk diamalkan. Yang menjadi persoalan kemudian adalah bahawa meskipun sangat jelas pengakuan Nabi atas pandangan-pandangan brilian Umar namun masih banyak sekelompok pengkaji mengeksplorasi peristiwa-peristiwa itu sebagai bentuk pembangkangan atau pelanggaran agama yang telah dilakukan oleh semacam Umar yang tak dapat ditolerir. Dalam konteks kajian dan studi hadits (periwayatan), mereka bahkan menjadikan keberanian Umar itu sebagai bukti ketidak-adilan sahabat Nabi. Isu yang mereka sentiasa munculkan adalah bagaimana mungkin ajaran-ajaran Islam dapat diterima dari sumber yang tidak terpercaya (*'Adam al-'adūl'*) dan dari sumber yang selalu mempertanyakan perintah-perintah Nabi. Bahkan kelompok ini, misalnya, membuat polarisasi Sahabat menjadi dua; Kelompok Sahabat *Wahyawiyyin* dan Kelompok Sahabat *Rakyawiyyin*. *Wahyawiyyin* adalah kelompok sahabat yang selalu taat terhadap perintah dan larangan Nabi dan tidak pernah sekalipun membantah atau mempertanyakan keinginan-keinginan Nabi. *Rakyawiyyin* adalah kelompok sahabat yang tidak mau menerima begitu saja perintah dan larangan Nabi tapi mereka sentiasa membangkang dan menyesuaikan perintah dan larangan itu dengan akal pikiran dan hawanafsu mereka. Menurut mereka sahabat yang termasuk dalam kelompok pertama adalah Ali bin Abi Thalib dan sahabat yang dapat dimasukkan dalam kategori kedua ialah Umar bin Khattab<sup>2</sup>.

Polarisasi Sahabat Nabi menjadi *Wahyawiyyin* dan *Rakyawiyyin* dengan mengacu pada pengertian yang sudah dikemukakan diatas tidak dapat diterima.

---

<sup>2</sup> Pandangan seperti ini banyak mendominasi pandangan pengkaji dari kalangan Syiah. Pandangan mereka ini sangat terkait dengan teori al- 'Ismah dan 'Adālat al-Sahābah.

Kerana itulah polarisasi ini tidak begitu populer di kalangan pengkaji Ahlissunnah. Polarisasi yang sangat dikenal baik dalam kajian Sunni ialah Tekstual dan Kontekstual sebagai terjemahan operasional dari term Ahlul Atsar dan Ahlu al-Ra'yi. Kedua term ini berkaitan dengan metode memahami hadith lebih dari sikap perlakuan atas wahyu sama ada al-Quran mahupun Sunnah.

## PERLAKUAN SAHABAT TERHADAP STATUS SUNNAH.

### Sahabat dan Sunnah Gair Tasyriyyah

Seperti yang sudah disentuh sebelumnya bahawa dengan diback up oleh banyak faktor Sahabat Nabi merupakan generasi umat Islam yang paling berpeluang untuk memahami status Sunnah dengan baik, benar dan tepat. Dari kenyataan interaksi Sahabat dengan Nabi, dapat terlihat dengan jelas bahawa Sahabat tidak selamanya memahami prilaku Nabi sebagai wahyu yang mesti diamalkan tapi kadang-kadang Nabi berucap atau beramal dan sahabat memahaminya sebagai prilaku biasa sebagai manusia dan tidak ada kemestian untuk mengamalkannya. Cara perlakuan Sahabat terhadap Sunnah ini kemudian menjadi embrio teori *Sunnah Tasyriyyah* dan *Sunnah Gair Tasyriyyah* yang kemudian populer dalam kajian studi Islam.

Ada beberapa kes yang dapat diambil sebagai sampel disini. Misalnya, Nabi suatu ketika enggan makan biawak. Kisah ini diriwayatkan oleh Ibnu Abbas. Ia berkata, saya bersama Khalid bin al-Walid bin al-Mugirah dan Rasulullah masuk ke rumah Maimunah binti al-Haris lalu kami dijamu dengan biawak bakar. Nabi pun mengulurkan tangannya ke arah biawak untuk mengambilnya, namun sebagian perempuan yang ada di rumah Maimunah mengatakan, beritahulah Rasulullah tentang apa yang ia mau makan. Nabi pun mengangkat tangannya dan tidak jadi mengambil biawak itu. Aku (Ibn Abbas) berkata kepada Nabi, haramkah memakan biawak ya Rasulullah? Tidak, kata Nabi. Namun biawak itu tidak ada di daerah kaumku maka aku merasa jijik dengannya (tidak menyukainya).<sup>3</sup> Ibnu Hajar al-'Asqalani mengatakan: pernyataan Nabi itu merupakan penjelasan tegas mengenai penyebab ia tidak memakannya yaitu hanya kerana faktor kebiasaan.<sup>4</sup>

Contoh lain yang dapat dikemukakan ialah kisah tentang Fatimah binti Qais. Satu ketika Ia melapor kepada Rasulullah bahawa Muawiyah bin Abi Sufyan dan Abu Jahm melamarnya lalu Nabi memberikan kepadanya pengarahan dengan mengatakan bahawa Abu jahm itu adalah orang yang tidak pernah meletakkan tongkatnya dari pundaknya (suka memukul). Adapun Muawiyah Dia seoarang miskin yang tidak memiliki harta maka nikahilah Usamah Bin Zaid, tapi Fatimah tidak menyukainya

---

<sup>3</sup> HR Al-Bukhari (Kitab Makanan, bab: Nabi tidak makan sesuatu sebelum diberitahu apa makanan itu), muslim (bab: kebolehn makan biawak), Nasai (binatang buruan dan binatang sembelihn bab biawak), Malik dalam kitab Al-Muatta (bab hdist-hdist memakan biawak); Al- Bagwi, *Syarh Sunnah*, jilid 11, h. 237.

<sup>4</sup> *Fathul Bari*, jilid 9 h.582

kemudian Nabi mengatakan kedua kalinya nikahilah Usamah maka Fatimah menerimanya dan menikahinya sehingga Allah memberikan kebaikan kepadanya.<sup>5</sup>

Contoh lain yang tidak kalah pentingnya untuk dikemukakan dan dapat membuktikan hal ini adalah revisi yang dilakukan oleh al-Habāb Ibnu al-Munzir terhadap Nabi pada saat terjadi perang Badar. Al-Habab Ibnu Al-Munzir bertanya kepada Nabi “Ya Rasulallah apakah ini adalah posisi yang ditunjukkan oleh Allah SWT yang tidak dapat sama sekali dilanggar ataukah posisi ini merupakan pendapat Nabi atau strategi perang yang diinginkan oleh Nabi sendiri?” Rasulullah menjawab kepada al-Habab dengan mengatakan “bukan, tapi ini sekadar strategi perang saya”<sup>6</sup>.

Tiga kes yang disebutkan diatas merupakan sebagian bukti bahawa perilaku sahabat yang “berbeza” dengan Sunnah Nabi tidak dapat dipahami sebagai sebuah pelanggaran yang disengaja oleh Sahabat terhadap ketentuan Sunnah tapi kerana perlakuan Sahabat terhadap Sunnah yang diakui keabsahannya sendiri oleh Nabi. Hal ini sedikit banyaknya dapat menjelaskan kesalahan polarisasi sahabat menjadi anti wahyu (rakyawiyyin) dan taat wahyu (Wahyawiyyin) seperti yang telah mendominasi metodologi kajian hadith bagi kalangan Syiah. Bahkan polarisasi yang sesat itulah yang kemudian mendorong pengkaji Syiah menuduh para Sahabat menyalahi ketentuan-ketentuan Sunnah kerana tuntutan kepentingan politik, hawa nafsu dan kepentingan kelompok. Bahkan Syiah juga dalam kes-kes tertentu menolak teori Sunnah Tasyri’yyah dan Gair Tasyriyyah yang dapat memberi jalan keluar bagi prilaku-prilaku sahabat yang menyalahi Sunnah-Sunnah Nabi.

### Sahabat dan Sunnah Temporal

Selain teori Sunnah Tasyriyyah dan Gair Tasyriyyah yang telah nyata dalam perlakuan Sahabat terhadap Sunnah, teori lain yang juga tidak kalah pentingnya berlaku pada metode Sahabat ialah teori Sunnah Universal dan temporal. Teori ini bukan hanya diterima oleh Sahabat tapi juga diamalkannya dengan tepat dan benar.

Salah satu kes yang layak untuk diajukan sebagai contoh di sini adalah penakwilan yang mereka lakukan menyangkut pengharaman Rasul terhadap daging-daging keledai yang jinak. Ibnu Abi Aufa meriwayatkan bahawa suatu ketika kami mengalami kelaparan pada perang Haibar maka daging-daging yang dimasak dalam panci-panci sudah masak tiba-tiba ada seorang yang memanggil dan berteriak: kalian jangan memakan daging-daging keledai, dan tumpahkanlah daging yang dimasak di panci-panci itu. Lebih lanjut Ibnu Abi Awfa berkata: maka pada saat itu kami mendiskusikan penyebab pelarangan makan daging keledai, ada yang mengatakan bahawa pelarangan itu kerana Nabi belum membagi-bagi atau belum melakukan

<sup>5</sup> HR Muslim, Kitab Talaq, bab: yang ditalaq tiga tidak ada kewajiban menafkahinya.

<sup>6</sup> Ibn Hisyam, *Al-Sirah al-Nabawiyyah*, jilid 2, h. 192. Dan al-Bani telah melemahkan hadith tersebut dalam takhrīj hadsits hadith “fiqh al-Sirah” milik al-Gazali, dan sanad-sanad ada yang daif ataupun munkar. Sementara pengkaji lain melihat bahwa hadith-hadith tersebut bisa saja naik ke derajat hasan. Lihat Sa ‘du al-Din al- ‘utsmāni, (2010) Kontekstualisasi Hadith, Makassar : Alauddin Press, h.74.

pembagian harta rampasan yang diperoleh dari perang itu sementara keledai yang disembelih untuk kemudian dimakan adalah bagian dari harta rampasan. Namun sebagian sahabat yang lain mengatakan bahawa alasan pengharamannya kerana keledai itu memakan makanan kotor.

Ibnu Abbas berkata saya tidak tahu apakah Rasulullah melarang makan daging keledai itu kerana ia merupakan binatang yang dipakai sebagai binatang angkutan. Sehingga Nabi tidak mau alat transportasi mereka habis, ataukah Nabi mengharamkannya makan binatang keledai pada perang Haibar.<sup>7</sup>

Dalam kitab Al-Zabah Ibnu Hajar mengatakan pada pembahasan tentang peperangan saya sudah mengemukakan bahawa Ibnu Abbas memiliki sikap yang tidak tegas mengenai pelarangan makan daging keledai; apakah kerana alasan khusus yang bersifat temporal ataukah alasan pelarangan itu bersifat kekal atau abadi.<sup>8</sup>

Dari kisah ini dapat dipahami bahawa kedua sahabat yang dimaksud memahami pelarangan memakan keledai jinak hanya kerana alasan atau sebab khusus bukan alasan yang universal, Ibnu Abbas misalnya mengaitkan pelarangan itu dengan kemaslahatan parsial dan temporal yaitu menjaga agar keledai-keledai jinak itu tidak punah kalau mereka dibiarkan menyembelih keledai sebebas-bebasnya. Dan inilah yang disebut dengan tindakan-tindakan Nabi yang muncul sebagai posisinya sebagai pemimpin negara.

Contoh penting dalam hal ini adalah perkembangan hukum terkait unta-unta sesat. Ketika Nabi ditanya tentang unta-unta sesat, Nabi menjawab ‘kenapa anda terlalu memperhatikan urusan itu? Biarkan saja unta-unta itu sesat. Toh mereka memiliki kaki dan mulut, ia dapat mendatangi sumber air, ia dapat memakan pepohonan sampai ia menemukan atau ia ditemukan oleh tuannya’.<sup>9</sup>

Dari kisah ini dapat dipahami bahawa Nabi tidak mengizinkan orang-orang untuk menangkap unta-unta sesat yang tidak diketahui tuannya, bahkan Nabi memilih untuk membiarkan unta-unta itu sesat dan kebijakan Nabi itu berlaku sepanjang zaman Nabi dan zaman Abu Bakar aS-Siddiq dan Umar. Unta-unta yang hilang dibiarkan bebas sampai ditemukan oleh tuannya berdasarkan pesan dan kebijakan atau perintah Nabi.

Namun ketika memasuki periode Khalifaan Usman, ia merubah kebijakan Nabi dan memerintahkan untuk menangkap unta-unta sesat itu, mengumumkannya, menjualnya dan ketika sudah ditemukan tuannya, maka ia diberikan harga penjualannya.<sup>10</sup> Mungkin saja penyebab perubahan kebijakan itu kerana terjadi perubahan karakter masyarakat yang sudah tidak memperhatikan amanah (kejujuran), sebab waktu itu sudah terjadi perkembangan masyarakat baru yang menghimpun banyak jenis atau macam masyarakat yang tidak menyaksikan periode kenabian dan

---

<sup>7</sup> HR Bukhari (Perang, bab: perang khaibar).

<sup>8</sup> *Fath al-Bari*, cet. III, Kairo: Dar al-Matba’ah al-Salafiyyah, 1407 H , jilid 9, h. 572.

<sup>9</sup> HR Bukhari, (Barang Temuan, bab: unta), dan Muslim (barang temuan, bab: unta).

<sup>10</sup> HR Malik dalam Al-Muatta (Kehakiman, bab:para qadi di Dhiwal).

zaman wahyu. Atau boleh jadi penyebab perubahan kebijakan oleh Usman kerana sesuatu yang lain. Namun yang pasti bahawa Usman tidak mengalami keraguan untuk menyalahi prosedur yang diwariskan oleh Nabi, yaitu tidak menangkap unta-unta sesat kerana ia meyakini bahawa tindakan Nabi itu kerana dikehendaki oleh kemaslahatan yang sudah berubah seiring dengan perjalanan waktu.

Setelah Usman telah tiada dan Ali bin Abi Talib menggantikannya sebagai khalifah, Ali pun menyetujui dan melestarikan kebijakan Usman untuk menangkap unta-unta sesat itu sampai ketemu dengan tuannya, namun Ali tidak menganjurkan untuk menjualnya, tapi ia memilih untuk membuatkan unta-unta itu kandang (dari biaya APBN/Bait al-Mal) kemudian diberi makan dengan makanan yang tidak terlalu mengenyangkannya dan tidak menguruskannya. Siapa saja yang mampu memberi keterangan atau bukti atas kepemilikan atas unta-unta itu maka ia dapat mengambilnya, kalau tidak unta-unta itu tetap dipelihara dan tidak dijual.<sup>11</sup>

Sahabat Nabi terutama Khulafa al-Rasyidun sangat paham adanya keterkaitan erat antara tindakan atau kebijakan Nabi dengan kondisi-kondisi yang hidup pada masyarakat Islam, maka dengan demikian, mereka merubah kebijakan itu kerana alasan-alasan yang membidani lahirnya kebijakan-kebijakan itu sudah berubah. Dan yang pasti adalah mereka menganggap kebijakan atau tindakan Nabi itu lahir dari posisinya sebagai pemimpin dan tidak mencerminkan hukum agama yang bersifat universal yang kekal.

Demikianlah telah menjadi jelas bagi kita semua, betapa Khulafa al-Rasyidun—dengan praktik-praktik perundang-undangan yang mereka lakukan kerana kapasitas yang mereka miliki sebagai pemimpin umat—telah memberi kontribusi yang sangat berarti dalam menjelaskan tindakan-tindakan Nabi yang bernuansa kebijakan politik; bukan bernuansa hukum universal, kalau tidak, maka banyak dari perilaku-perilaku Nabi yang tidak dapat dipahami dengan jelas posisinya dan akan memicu perdebatan sengit dan krusial di kalangan ulama.

Dari sekian banyak Sahabat Nabi yang mengadopsi teori Sunnah Universal dan Temporal, Umar bin Khattab adalah sosok Sahabat yang paling banyak dan sering menjadi sampel bagi teori ini. Hal itu disebabkan oleh disamping kerana kedekatannya dengan Nabi juga kerana kecerdasannya yang brillian dan posisinya sebagai pemimpin Negara (Khalifah). Sosok Umar memiliki banyak kebijakan yang berbeza dengan Sunnah Nabi kerana ia meyakini bahawa meskipun Sunnah mesti dijunjung tinggi tapi kandungannya ada yang temporal tidak universal. Berikut ini penjelasannya;

1. **Bagian zakat bagi Muallaf.** Di zaman Nabi orang-orang muallaf mendapatkan bagian zakat oleh Nabi berdasarkan al-Quran. Tradisi (Sunnah) itu juga ingin dilanjutkan oleh Abu Bakar. Tapi Umar keberatan dengan kebijakan Abu Bakar. Umar meyakini bahawa Pemberian bagian zakat oleh Nabi kepada muallaf adalah kebijakan Sunnah temporal yakni hanya pada masa kelemahan Islam. Ketika Islam sudah menjadi kuat dan berwibawa Islam tidak perlu membujuk hati orang-orang muallaf. Keberatan Umar disetujui oleh Abu Bakar sebagai khalifah saat itu dan diamini pula oleh semua sahabat<sup>12</sup>.

---

<sup>11</sup>Ibid.,

<sup>12</sup> Muhammad Baltaji, *Manhaj 'Umar fi al-Tasyri'*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabi, h.175-1191.

2. **Pembagian tanah-tanah rampasan untuk para pejuang dan tentara Islam oleh Umar bin Khattab dan Usman.** Keduanya mengeluarkan kebijakan untuk tidak membagikan tanah-tanah itu kepada pejuang, tapi diserahkan untuk menjadi milik negara untuk dimanfaatkan oleh generasi-generasi yang akan datang kemudian.

Ada segelintir orang mengatakan bahawa kebijakan kedua khalifah itu sebenarnya tidak legal, kerana Nabi membagikan tanah Khaibar ketika ditaklukkan. Bahkan mereka mengatakan bahawa apabila Imam (pemerintah) menahan dan tidak membagikannya tanah rampasan itu, maka keputusan itu harus dianulir atau digugat kerana menyalahi Sunnah (perilaku) Nabi. Pendapat ini dibantah oleh banyak ulama, terutama oleh Ibnu Taimiyah, ia mengatakan bahawa pendapat ini adalah pendapat yang keliru dan sebuah tindakan yang berani atas Khulafa al-Rasyidun, sebenarnya prilaku Nabi menyangkut pembagian tanah rampasan hanya menunjukkan kebolehan dan tidaklah menunjukkan sebuah kewajiban. Jika sekiranya kita tidak mampu menghadirkan dalil mengenai tidak wajibnya membagi-bagikan tanah rampasan itu maka cukuplah perilaku Khulafa al-Rasyidun itu yang menjadi dalil, dan yang kedua bukankah Mekah itu adalah daerah yang ditaklukkan secara paksa, dan toh tidak dibagi-bagikan kepada tentara? Dan bukankah peristiwa penaklukan Mekah ini fakta yang didukung dengan berbagai hadith yang sahih?<sup>13</sup> Ibnu Taimiyah menjadikan perilaku Khulafa al-Rasyidun sebagai sarana yang cukup untuk mengarahkan seseorang memahami posisi tindakan-tindakan Nabi. Dan kemudian memberi peran penting bagi perilaku Khulafa al-Rasyidun yang menyalahi perilaku Nabi sebagai sarana penting untuk mengalihkan perilaku Nabi menjadi perilaku yang tidak mengandung hukum kewajiban.

## SAHABAT DAN METODE PEMAHAMAN & PENERAPAN SUNNAH

Secara Umum Sahabat Nabi memiliki metode yang dinamis dalam memahami teks-teks agama secara am dan teks-teks hadith secara khasnya. Dalam berinteraksi dengan teks-teks itu Sahabat tidak jumud dan tekstual. Dapat dikatakan bahawa sikap dan prinsip pemahaman Sahabat atas teks-teks Sunnah bukanlah hasil murni pemikiran mereka tapi itu adalah hasil dari dinamika interaksi mereka dengan Nabi ketika masih hidup yang kurang lebih 23 tahun. Sepanjang itu Sahabat memiliki pengalaman dengan Nabi dalam merespon dinamika umat Islam.

Sejak awal-awal Islam pendekatan kontekstual atas penafsiran teks-teks Sunnah dan penerapannya sudah mulai muncul secara nyata dan menjadi ruh bagi teori kontekstualisasi teks-teks agama pada priode kemudian. Berikut ini contoh-contoh pemahaman kontekstual Sahabat

### 1. Kes Bani Quraizah.

Kes yang paling populer yang dapat dijadikan sebagai bentuk interpretasi dan aplikasi kontekstual atas teks-teks Sunnah ialah kes Banī Quraizah. Berikut hadith yang menceritakan peristiwa itu yang telah membuat Sahabat Nabi berbeda pendapat mengenainya;

---

<sup>13</sup> Ibnu Taimiyah, *Majmu al-Fataawa*, jilid 20, h. 574, Lihat pula: Ibid, 195-121.

عن ابن عمر - رضي الله عنهمَا - قال: قال رسول الله صلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يوْمَ الأَحزَابِ: « لَا يَصْلِيْنَ أَحَدَ الْعَصْرِ إِلَّا فِي بَنِي قُرَيْظَةٍ » فَأَدْرَكَ بَعْضَهُمُ الْعَصْرَ فِي الطَّرِيقِ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ لَا نَصْلِي حَتَّى نَأْتِيهَا، وَقَالَ بَعْضُهُمْ: بَلْ نَصْلِي، لَمْ يَرِدْ مِنْ ذَلِكَ، فَذَكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يَعْنِفْ وَاحِدًا مِنْهُمْ<sup>14</sup>.

Berdasarkan formalitas teks (hadith Nabi), para sahabat dilarang oleh Nabi untuk salat Ashar di jalan dan salat Ashar harus dilaksanakan di Bani Quraidzah. Hadith itu berbunyi “Laa Yushalliyanna Ahadukum al-Ashra Illa fi Banii Quraizah”. Sejarah menuturkan tidak semua sahabat mengikuti perintah Nabi itu secara formal. Sebagian sahabat memilih salat Ashar sebelum sampai di Bani Quraidzah kerana waktu Ashar sudah hampir habis, dan khawatir habis sebelum sampai di Bani Quraidzah. Pertanyaannya, kenapa kelompok sahabat yang dimaksud berani menyalahi perintah Nabi? Jawabannya kerana mereka menangkap substansi makna di balik larangan itu yaitu bahawa Nabi menginginkan agar sahabat bersegera, bercepat-cepat menuju tempat yang dituju. Harapan Nabi kalau itu dilakukan dapat diduga dengan kuat sahabat akan sampai di Bani Quraidzah jauh sebelum waktu Ashar Habis. Pada titik ini kita dapat dengan mudah menemukan terapan substansialisasi teks yang dimaksud<sup>15</sup>.

## 2. Shalat Jamaah Perempuan di Masjid.

Contoh lain yang dapat menjadi sampel bagi apresiasi terhadap pendekatan kontekstual dalam memahami dan menerapkan pesan teks-teks Sunnah adalah konflik yang terjadi **antara Abdullah bin Umar** dan anaknya **Bilal**<sup>16</sup>. Suatu ketika Abdullah menyampaikan kepada anaknya sebuah riwayat dari Nabi mengenai perempuan dan salat jamaah di mesjid. Kata Ibnu Umar, berdasarkan sabda Nabi (teks) perempuan tidak boleh dilarang pergi ke mesjid<sup>17</sup>. Riwayat yang dimaksud ialah sebagai berikut;

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: « لَا تَنْعِوا إِمَاءَ الله  
مساجدَ اللهِ وَلَكِنْ لِيَخْرُجْنَ وَهُنَّ تَفْلِاتٌ »<sup>18</sup> وقال أيضاً:  
« لَا تَنْعِوا نِسَاءَ كَمِ المساجدِ وَبِيَوْمِنَ خَيْرٍ هُنَّ »<sup>19</sup>

<sup>14</sup> HR al-Bukhari, Kitab : al-Magazi, bab: kepulangan Nabi dari Perang Ahzab menuju Bani Quraizah, no hadith : 3893.

<sup>15</sup> Lihat Abd Rauf Amin, *Moderasi Islam dalam Tradisi Pakar Hukum Islam (Wacana dan Karakteristik)* dalam , Konstruksi Islam Moderat, 2012, Makassar: Icatt Press, h.167.

<sup>16</sup> Lihat Muhammad Mustafa Shalabi, *Ta'lil al-Ahkam*, Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, Beirut. Mustafa Shalabi di tahun 60-an telah menulis sebuah disertasi di Fak. Syariah dan Hukum, Universitas al-Azhar dengan judul *Ta'lil al-Ahkam*. Buku ini menjadi rujukan awal dan utama dalam konteks diskursus dialektika ijtihad dan realita dan kemaslahatan.

<sup>17</sup> Hadith itu bunyinya : “Laa Tamna'uu Nisaa'akum al-Masaajida”.

<sup>18</sup> Tafilāt artinya tidak memakai wangi-wangian.

<sup>19</sup> HR Abu Daud, Sunan Abu Daud, Kitab: Shalat, Bab: Kepergian perempuan ke Masjid, no Hadits 567.

Ibnu Umar nampaknya ingin hadith itu diamalkan pada zaman ia hidup meskipun di zamannya sudah terjadi perubahan sosial yang cukup signifikan berbeza dengan kondisi di zaman Nabi. Ia tidak berusaha mencoba mendialogkan (menyesuaikan) zamannya dengan zaman Nabi. Berbeda dengan Ibnu Umar, Bilal anaknya ternyata punya sensitifiti dengan perubahan zamannya, ia cukup mengerti dengan realiti kehidupan zamannya.

Berangkat dari kesadarannya atas perubahan zaman yang dihidupinya, Bilal dengan lantang mengatakan kepada bapaknya, “hadith itu sudah tidak relevan lagi untuk diterapkan zaman sekarang”. Kata dia, perempuan-perempuan sekarang mesti dilarang ke Mesjid. Pernyataan yang cukup berani itu membuat bapaknya marah. Dalam sebuah riwayat Ibnu Umar, saking marahnya, langsung memukul wajah anaknya<sup>20</sup>. Sudah dapat ditebak, kemarahan Ibnu Umar kerana Bilal berani menggugat teks Nabi sebagai sumber primer. Bagi Ibnu Umar, tidak ada argumen yang dapat digunakan untuk berhadapan sebuah teks.

Berangkat dari penjelasan yang sudah dikemukakan sebelumnya, maka dapat dikatakan bahawa apa yang dilakukan oleh Ibnu Umar adalah bagian dari pemahaman atau sikap yang tidak mencerminkan moderasi Islam. Penyebabnya adalah ia tidak mencoba mengungkap realiti sosial pada saat Hadith (teks) itu dituturkan oleh Nabi. Seperti yang sudah dikemukakan bahawa memahami teks-apakah itu al-Quran atau pun hadith- dan melepaskan dari konteksnya adalah salah satu faktor atau potensi sikap radikal<sup>21</sup>.

Apa yang dituduhkan oleh Ibnu Umar terhadap anaknya yaitu kelancangannya menggugat dan melecehkan teks ternyata tidak realistik dan kurang beralasan. Berdasarkan riwayat, perbedaan yang terjadi antara Ibnu Umar dan anaknya seputar masalah tadi ternyata sampai ke telinga Aisyah. Pada saat Aisyah mengetahui perdebatan itu, Aisyah kemudian mengeluarkan pernyataan yang cukup menarik dan sedikit mengagetkan. Aisyah mengatakan, “Andai saja Rasulullah masih hidup dan melihat bagaimana ulah dan perilaku perempuan-perempuan sekarang niscaya Nabi akan merubah pendapatnya dan pastilah beliau melarang perempuan pergi ke mesjid”<sup>22</sup>.

Berdasarkan pembelaan Aisyah bagi Bilal, kiranya dapat dipahami sebab perbedaan antara bilal dan bapaknya mengenai masalah ini yaitu perbedaan keduanya mengapresiasi realiti sosial dan pengaruhnya bagi pengembangan atau perubahan hukum yang dikandung oleh sebuah teks.

### **Bentuk-bentuk Pemahaman dan Penerapan sahabat atas Sunnah.**

---

<sup>20</sup> Lihat *Opcit*.

<sup>21</sup> Untuk memudahkan pemahaman bagi kasus Ibnu Umar dan anaknya, sebaiknya kita membandingkannya dengan kasus ziarah kubur yang tadinya dilarang oleh Nabi dan pada akhirnya diizinkan karena larangan yang terjadi sebelumnya memiliki konteksnya tersendiri yang berbeza ketika bolehannya itu dikeluarkan oleh Nabi.

<sup>22</sup> Terjemahan bebas dari riwayat yang berbunyi “Law Ra’ā al-Nabiyu Mā Fa’alathu al- Nisāū al-Yaum Lamana’ahā al-Masājida”.

Dari kenyatan ijtihad para sahabat ditemukan bahawa masa sahabat adalah zaman yang hidup dan sarat dengan ijtihad kerana banyaknya kes-kes baru yang terjadi sama sekali tidak terjadi sebelumnya. Salah satu cara yang mereka tempuh untuk menyelesaikan masalah-masalah baru adalah melakukan upaya Ta'lil atau pencarian alasan-alasan hukum yang disebutkan oleh Nabi tanpa alasan atau dengan alasan tapi alasan hukum itu memiliki masalah-masalah teknis.

**Ada beberapa metode Sahabat dalam menangani masalah pengembangan hukum-hukum dalam al-Sunnah, diantaranya sebagai berikut<sup>23</sup>:**

1). **Nash mengemukakan Hukum-Hukum tanpa menyebutkan alasan/illat hukumnya, lalu sahabat menetapkan illat atau alasan bagi Nash itu berdasarkan upaya ijtihad mereka**, kemudian mereka menetapkan hukum baru berdasar illat yang mereka tetapkan untuk hukum Nash tadi. Contoh kes bagi metode ini sebagai berikut;

A. Rasulullah Saw bersabda:

«لَا تقطع الأيدي في السفر، في رواية أخرى : لَا تقطع  
الأيدي في الغزو»

Ertinya:

“Hendaknya tidak ada potong tangan pada saat terjadi perjalanan (safar)”. Riwayat lain berbunyi “Hendaknya tidak ada potong tangan disaat perang”.

Dua riwayat ini menjelaskan kepada kita bahawa Nabi menetapkan sebuah hukum tanpa ada alasannya, sehingga muncul pertanyaan “ kenapa tidak boleh menerapkan had pada saat perang??. Itu yang tidak dijelaskan oleh Nabi. Pertanyaan kedua, apa respon sahabat di hadapan hukum tanpa ada illat dalam kes ini? Apakah mereka berpangku tangan dan meyakini Nash ini adalah Ta'abbudi (tidak dapat dirasionalkan)?.

Hasil penelitian Muhammad Mustafa Syalabi menunjukkan bahawa salah seorang sahabat Nabi yang bernama Zaid bin Tsabit melakukan rasionalisasi pada Nash ini. Statemen Zaid bin Tsabit adalah

لا تقام الحدود في دار الحرب مخافة أن يلحق أهلها بالعدو

Ertinya:

“Sanksi-Sanksi (hukuman) Had tidak boleh diterapkan di daerah perang kerana khawatir orang yang dikenai sanksi had dan tentara lain akan bergabung kepada barisan musuh”.

Selain Zaid, Umar juga ditemukan melakukan rasionalisasi pada Nash ini. Umar mengatakan:

ألا لا يجلدن أمير جيش أو سرية أحدا الحد حتى يطلع على  
الدرب لغلا يحمله الشيطان أن يلحق بالكافار.

---

<sup>23</sup> Lihat Muhammad Mustafa Shalabi, *Ta'lil al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. ; Abd. Rauf Amin, *Filsafat Hukum Islam*, (2009), Makassar: Alauddin Press, h.

Ertinya:

*“Ketahuilah, jangan sama sekali ada panglima perang atau komandan batalion yang meng-had tentara yang berperang sebelum meninggalkan daerah lawan kerana di khawatirkan akan dipengaruhi hatinya oleh syetan untuk bergabung ke barisan lawan/musuh.”*

Abu Yusuf mengemukakan data menarik dari Alqamah. Alqamah bercerita sebagai berikut:

*“Kami ikut perang bersama Huzaifah di daerah româ dan tentara Islam di bawah pimpinan panglima seorang Quraisy. Panglima kami meminum khamar dan kami mau menjatuhinya hukuman had, tapi tiba-tiba Huzaifah berkata “Kenapa kalian mau menjatuhinya had sementara kita sedang mendekat dengan musuh, khawatir itu akan menyemengati lawan untuk menyerang kita”.*

Sumber yang sama dari Alqamah mengatakan:

Al-Walid bin Uqbah, panglima perang waktu itu terkena musibah kerana minum khamar lalu mabuk. Orang-orang berkata kepada Ibu Masud dan Huzaifah bin al-Yaman, “Jatuhkanlah had padanya”, kami tidak akan menerapkan had padanya, kata Ibnu Masud dan Huzaifah, kerana kita punya posisi sudah dekat dengan musuh, kami tidak mau mereka tahu sehingga mereka berani untuk menyerang kita”.

Ada beberapa hal yang dapat ditarik dari kisah-kisah diatas diantaranya bahawa para sahabat telah menangkap maksud inti dari larangan Nabi yang ada dalam Nash itu, membuat mereka tidak hanya terpaku pada Nash tapi mereka memahami maksud itu kemudian menerapkannya pada had-had lain. Sebab dalam Nash hanya menyebutkan potong tangan sementara sahabat juga menerapkan pada kes minum khamar yang semestinya hukumannya adalah dera. Kata kuncinya bagi mereka adalah penerapan hukum dapat dipending ketika mengakibatkan bahaya bagi umat Islam.

Hal lain yang dapat ditangkap dari kisah ini adalah kalau kita mencermati bentuk kontekstualisasi beberapa sahabat tadi ternyata berbeda antara sahabat yang satu dengan sahabat yang lain. Umar dan Zaid misalnya mengemukakan alasan tidak diterapkannya had di saat perang kerana dikhawatirkan orang akan bergabung ke musuh, kemungkinannya ini hanya dapat berlaku pada tentara/serdadu biasa kerana panglima perang tidak mungkin akan bergabung kepada musuh. Tapi kemungkinan yang dapat terjadi kalau panglima perang yang dijatuhi sanksi had adalah kekhawatiran akan pandangan musuh yang menganggap lemah kekuatan umat Islam dan membuatnya bersemangat dan punya keberanian untuk menyerah. Meskipun sahabat berbeda dalam memberi kontekstualisasi namun mereka sepakat bahawa penerapan had pada saat itu akan mendatangkan bahaya bagi umat Islam.

Hal penting untuk dikemukakan disini adalah bahawa tampaknya perkara ini menjadi kesepakatan Sahabat dan tidak ada dari kalangan mereka yang mengingkarinya. Yang terjadi adalah bahawa sebagian dari mereka meminta agar diterapkan had hanya kerana hukum dasar yang mereka ketahui mengenai perlunya penerapan had bila sudah memenuhi syarat-syaratnya. Namun setelah mereka diberitahu sebab tidak diterapkannya had mereka tidak ada yang menggugat. Yang kedua, kontekstualisasi yang dilakukan oleh sahabat dalam kes ini sama sekali tidak melanggar Nash dan tidak menabrak ijma', kerana yang terjadi dalam kes ini tidak lebih dari sekadar menunda penerapan had kerana ada maslahah yang menghendakinya, boleh jadi kerana umat Islam memerlukannya (orang yang kena had) atau dikhawatirkan akan menjadi murtad, atau akan bergabung ke barisan musuh.

Perlu dikemukakan bahawa menunda penerapan had kerana sesuatu alasan syar'i merupakan tradisi yang sentiasa terjadi dalam syariat Islam, seperti menunda had bagi perempuan yang hamil sampai ia melahirkan, perempuan yang sedang menyusui sampai anaknya disapi, orang sakit dll. Ini jelas bagi kita bahawa semua ini dilakukan hanya memperhatikan maslahah orang yang kena had, apatah lagi bila kemaslahatan umum menghendaki penundaan hukum. Dengan demikian, maka jelas kes ini membuktikan bahawa Sahabat telah melakukan kontekstualisasi dengan cara mencari dan kemudian menetapkan alasan hukum bagi hukum yang tidak disebutkan alasannya dalam sebuah Nash. Sekarang kita beralih kepada bentuk pemahaman Sahabat yang kedua atas Sunnah sebagai berikut;

**2). Nash mengemukakan atau menyebutkan hukum-hukum secara *mutlak* atau mengemukakannya dengan menyebut Illatnya<sup>24</sup>.** Sahabat kemudian meninjau ulang atau menganalisis hukum itu dan hasil analisis mereka menunjukkan illat yang disebutkan Nash tidak terjadi lagi atau tujuan hukum nya telah berubah. Berdasarkan perubahan itu sahabat kemudian melakukan perubahan hukum berdasarkan perubahan illat atau tujuan hukum yang ada dalam Nash tadi.

Contoh kes bentuk ini adalah kisah yang sangat populer dalam pemikiran hukum Islam dan sering disalah pahami oleh banyak orang. Kes yang dimaksud adalah hukum pemberian bagian zakat bagi seorang muallaf.

Bagian zakat seorang muallaf telah ditegaskan Alquran dan Nabi pun pernah memberikan bagian itu kepada muallaf di zamannya. Di banyak kesempatan Nabi mengatakan " saya sangat suka memberi seseorang untuk membujuk hatinya". Orang-orang muallaf saat itu ada yang sudah masuk Islam tapi masih lemah imannya dan zakat diberikan untuk memperkuat imannya, ada juga yang belum masuk Islam dan ia diberi bagian zakat untuk membujuk hatinya untuk masuk Islam.

Kondisi ini berlanjut setelah wafatnya Nabi sampai satu saat dimana Abu Bakar didatangi oleh dua orang dari kelompok muallaf bernama 'Uyaynah bin Husān dan al-Aqra' bin Hābis, keduanya mengatakan kepada Abu Bakar, "wahai sang khalifah, negara kita punya sebidang tanah yang tidak dikelolah, apa tidak sebaiknya sang khalifah mengalokasikan sebagian dari tanah itu untuk kami berdua?". Abu Bakar kemudian menuliskan surat hak kelolah untuk keduanya. Lalu keduanya pergi menemui Umar untuk menjadi saksi atas hak itu. ketika bertemu Umar, surat itu kemudian diambil oleh Umar lalu diludahi yang membuat keduanya tersinggung sampai mengeluarkan kata-kata kasar. Umar kemudian mengatakan, "Dulu waktu Nabi masih hidup, kalian dapat bagian zakat waktu itu kerana kondisi Islam masih

---

<sup>24</sup> Ibid, h. 37.

lemah sehingga umat Islam memerlukan penguatan, sekarang Islam sudah kuat dan tidak perlu lagi kalian, pergilah anda berdua mencari usaha sendiri. Ketika Abu Bakar mengetahui perlakuan Umar kepada kedua muallaf itu, ia tidak menyalahkannya. Bahkan bukan hanya Abu Bakar, tapi semua sahabat tidak ada yang menggugat prilaku Umar itu sehingga dapat dipahami bahawa terjadi ijma sahabat mengenai teori “ Hukum tergantung pada ada atau tidaknya illatnya<sup>25</sup>”.

**3). Al-Quran mensyariatkan hukum-hukum tertentu atau hukum-hukum itu dipraktekkan oleh Rasul, kemudian sahabat melarang hal-hal itu untuk dilakukan kerana mereka menangkap akan adanya mafsadah yang terjadi ketika hal-hal itu dilakukan, meskipun mereka sendiri mengakui hal-hal itu dibolehkan pada dasarnya.**

Kes yang sangat populer mengenai bentuk kontekstualisasi Sahabat atas Sunnah adalah kes Umar yang mengeluarkan larangan kepada umat Islam untuk tidak mengawini perempuan non muslim, padahal Alquran jelas-jelas memasukkannya sebagai perbuatan yang halal. Dalam Surah al-Maidah ayat 5, Allah berfirman:

﴿الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ الْطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَّكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَّهُمْ وَالْمُحْسَنُونَ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْسَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا أَتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَفِّهِينَ وَلَا مُتَّخِذِي أَخْدَانٍ﴾ ...

Terjemahannya:

Pada hari ini dihalalkan bagimu yang baik-baik. Makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi Al Kitab itu halal bagimu, dan makanan kamu halal pula bagi mereka. (Dan dihalalkan mengawini) wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Al Kitab sebelum kamu, bila kamu telah membayar mas kawin mereka dengan maksud menikahinya, tidak dengan maksud berzina dan tidak (pula) menjadikannya gundik-gundik.

Dalam kitab *Ahkam al-Quran* karangan al-Jashshas disebutkan bahawa seorang sahabat bernama Huzaifah menikahi seorang perempuan yahudi, dan Umar mengirimkan surat yang isinya perintah kepada Huzaifah untuk menceraikan Isterinya. Suratnya dibalas oleh Huzaifah berisi pertanyaan “Apakah saya telah melakukan hal haram?, Umar kemudian membalas surat Huzaifah yang isinya berupa penegasan bahawa apa yang anda lakukan tidak haram, namun perintah saya

<sup>25</sup> Al-Jassās, *Ahkām al-Qurān*, vol.3. h.153.

berdasarkan kekhawatiran saya kalau anda melakukan itu akan menggauli wanita yang tidak suci. Bahkan berdasarkan riwayat lain bahawa Umar sangat tegas melarang Huzaifah dengan katanya “ Jangan lepaskan suratku ini sebelum anda menceraikan isterimu, saya khawatir prilakumu akan dicontoh oleh umat Islam yang lain dan mereka berbondong-bondong menikah wanita-wanita non muslim kerana kecantikannya dan itu akan menjadi fitnah bagi wanita-wanita muslim<sup>26</sup>.

Apa yang dikhawatirkan oleh Umar saat ini sudah dibenarkan oleh realiti umat Islam saat ini. Di sebagian daerah laki-laki muslim sangat merasa bangga ketika ia menikahi orang bule atau wanita non muslim. Bahkan seolah-olah yang melakukan itu adalah dinggap orang moden yang berperadaban, dan sebaliknya orang yang menikah dengan wanita muslim dianggap orang kolot. Perempuan-perempuan bule sangat dikagumi dan dimanja seolah-olah menikah dengan mereka menjadi standar kemoderenan.

Boleh jadi ada yang menggugat riwayat ini dan mengatakan, riwayat ini tidak otentik kerana riwayat-riwatnya berbeza sementara riwayat riwayat itu menyampaikan satu kisah. Dengan demikian kemungkinan salahnya lebih besar dari pada kemungkinan benarnya.

Gugatan itu dapat disanggah dengan mengatakan, bahawa tidak ada kontradiksi antara riwayat-riwayat itu kerana kemungkinan Umar mengirim surat ke Huzaifah dua kali, setiap kali ia mengirim surat ia mengemukakan alasan pelarangannya berbeda dengan alasan yang ada di surat lain. Kemungkinan kedua boleh jadi juga Umar Cuma mengirim surat satu kali dan di dalam surat itu ia mengemukakan dua alasan pelarangannya, tapi kemudian perawi-perawi meriwayatkan alasan-alasan itu secara terpisah, satu perawi menyebut satu alasan dan yang lain menyebut alasan yang lain, dan ini boleh sekali terjadi dalam dunia periwayatan hadith.

Kalau kita ingin menganalisis kronologis ketetapan hukum Alquran yang membolehkan pernikahan dengan non muslim dan mencoba merekonstruksi situasi yang terjadi saat turunnya Alquran, kita akan menemukan suatu situasi yang berbeza dengan situasi kita sekarang. Orang-orang Islam saat itu bepergian ke suatu daerah bukan daerah mereka untuk berjihad di jalan Allah atau menyebarkan Islam. Di daerah jihad perempuan-perempuan Muslimah sangat sedikit jumlahnya sementara kondisi saat itu memaksa untuk bergaul dengan komunitas non muslim untuk penyebaran da’wah. Hal penting juga pantas dikemukakan bahawa umat Islam yang pergi ke daerah itu adalah orang-orang yang kuat imannya yang memiliki proteksi kuat menyangkut fitnah perempuan, bagaimana tidak? Rasulullah ada di tengah-tengah mereka. Dalam konteks sosial inilah Alquran menghalalkan bagi umat Islam nikah dengan wanita non muslimah, disamping kebijakan itu menciptakan hubungan yang baik dengan komuniti muslim dan meminimalisasi konflik yang dapat terjadi. Kalau kita mengetahui konteks ini maka kita dapat memahami bahawa hukum boleh nikah dalam kes ini harus diposisikan sebagai hukum yang sangat erat kaitannya dengan kondisi “keperluan” yang menguntungkan umat Islam. Dengan kata lain, pernikahan dengan wanita non muslimah sesungguhnya bukan ajaran inti tapi ia dibolehkan kerana saat itu mendatangkan kemaslahatan bagi umat Islam.

---

<sup>26</sup> Ibid, vol.2. h. 397.

4). Sahabat menetapkan atau mengeluarkan kebijakan hukum-hukum yang tegas yang tidak pernah ditetapkan sebelumnya, tujuannya adalah untuk menolak atau menghindari terjadinya kemafsadatan-kemafsadatan tertentu baik bersifat yakin maupun berdasarkan perkiraan yang kuat, meskipun berujung pada pembatasan makna umum Nash atau mengabaikan arti dzahir Nash<sup>27</sup>. Contoh kes tipologi rasionalisasi ini dapat dilihat sebagai berikut:

Kes jatuhnya talaq tiga yang dijatuhkan sekaligus dalam satu waktu. Penjelasannya sebagai berikut; pada zaman jahiliyyah dan berlangsung sampai awal-awal Islam bahawa orang-orang saat itu menceraikan isterinya dan merujuknya semaunya tanpa mengenal batas maksimal sampai berapa kali. Perlakuan itu merugikan perempuan-perempuan saat itu. Maka perempuan-perempuan itu datang ke Nabi mengeluhkan masalah mereka, maka turunlah ayat 229 surah al-Baqarah yang berbunyi:

﴿الْطَّلاقُ مَرَّتَانِ فَلِمَسَكٌ مَعْرُوفٌ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنٍ﴾

Terjemahnya:

*Talak (yang dapat dirujuki) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik.*

Ayat ini menjelaskan talak yang benar yang membatalakan kekacauan tradisi jahiliyyah dan membatasinya dengan tiga kali saja. Dan membolehkan seorang suami untuk rujuk pada dua talak pertama selama dalam iddah dan membolehkan juga rujuk tapi harus dengan akad nikah baru kalau iddahnya selesai tanpa harus seorang wanita kawin dengan laki-laki lain. Boleh juga rujuk kembali setelah tiga kali cerai tapi dengan syarat dua-duanya harus sudah pernah kawin dengan yang lain.

Hukum itu berlangsung aman dan dengan penuh ketaatan dari umat Islam. Dan kalau ada diantara mereka yang menceraikan isterinya dengan cara yang salah seperti orang yang menceraikan isterinya langsung tiga kali sekaligus dalam satu waktu dan ia mendatangi Nabi mengungkapkan penyesalannya, Nabi menjelaskan bahawa talak yang dijatuhkan tiga kali sekaligus tidak sah tetapi ia dihitung satu kali saja.

Orang-orang mentaati cara ini sejak zaman Rasul, pada zaman Abu Bakar dan dua tahun masa pemerintahan Umar. Setelah itu terjadilah perubahan kondisi masyarakat dan mereka melanggar atau mengabaikan ketentuan cerai yang benar, menceraikan isteri langsung tiga kali sekaligus pada satu waktu menjadi fenomena sosial, mereka mempersusah diri mereka pada perkara yang diringankan oleh Allah.

Kondisi ini meresahkan perasaan Umar sebab orang tidak takut mempermainkan hukum-hukum Allah, maka ia berpikir mendalam bakal apa yang ia lakukan terkait fenomena ini. Pertama yang ia lakukan adalah berkonsultasi –seperti kebiasaanya–dengan para pembesar dari kalangan sahabat menyangkut hukuman apa yang sesuai yang menjera orang-orang yang meremehkan hukum Allah. Ibnu Abbas memberi komentar bahawa pada saat kes yang sama terjadi, Nabi tetap menjatuhkan satu kali talak dalam kes talak tiga sekaligus. Umar merespon usulah Ibnu Abbas

---

<sup>27</sup> Ibid, h.56.

dengan mengatakan, “sesungguhnya orang-orang sekarang telah mempermudah hukum Allah, mereka mempercepat sesuatu yang diinginkan Allah untuk tidak dipercepat, maka sebaiknya kita memberinya sanksi dengan menjatuhkan apa yang mereka inginkan, maka kemudian Umar mengeluarkan keputusannya seperti yang ia inginkan yaitu talak tiga yang dijatuhkan tiga kali sekaligus jatuh tiga kali.

Kes Umar ingin menjelaskan kepada kita bahawa hikmah disyariatkannya talak tiga kali secara terpisah tidak secara sekaligus adalah untuk kemaslahatan suami dan isteri kerana kemungkinan besar waktu ia menjatuhkan talak ia tidak dapat menahan kemarahannya, sehingga ketika ia mengintrospeksi dirinya mungkin sekali ia akan menyesali perbuatannya. Disinilah Allah ingin berbuat baik dengan mensyariatkan rujuk. Tapi ketika Umar menemukan mereka tidak mau memanfaatkan kemudahan ini dan mereka menyalahi ketentuan Allah, Umar menyiksanya dan memberinya sanksi, tujuannya agar mereka kembali mentatai hukum Allah.

Intinya adalah Umar dalam kes ini memberlakukan mashlahah meskipun kebijakannya tidak sesuai dengan Nash, ia memberi orang sanksi dalam bentuk melarang melakukan sesuatu yang dibolehkan oleh Agama.

**5). Sahabat melakukan perbuatan atau aktifitas tertentu yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah. Mereka mengemukakan alasan bagi perbuatan-perbuatan mereka itu dengan alasan “Perbuatan itu adalah perbuatan baik”. Atau mereka melakukan banyak aktifitas yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah dan memberi alasan/illat yang sesuai dengan illat-illat yang sudah diakui dalam Nash-Nash tertentu<sup>28</sup>.**

Salah satu kes yang dapat menjadi sampel disini adalah dialog antara Umar dengan Abu Bakar mengenai masalah pengumpulan Alquran. Ketika kondisi terbunuhnya banyak pembaca Alquran dalam perang meresahkan Umar, lalu ia menghadap Abu Bakar selaku penentu kebijakan segala persoalan agama dan kenegaraan mengenai usulannya tentang pengumpulan Alquran. Abu Bakar berkata kepada Umar, bagaimana mungkin saya melakukan sesuatu yang tidak pernah dilakukan Rasul. Jawaban Umar saat itu adalah “pengumpulan Alquran adalah sebuah kebaikan dan menyangkut kemaslahaan umat Islam”. Ketika Abu Bakar terbuka hatinya dan yakin dengan kebaikan pengumpulan Alquran ia kemudian menyuruh Zaid bin Tsabit untuk mengumpulkan Alquran, Zaid kemudian berkata kepada Abu Bakar “Kenapa kamu ingin melakukan sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah? Abu Bakar pun menjawab “Ia adalah kebaikan dan bermanfaat bagi umat Islam”.

Sisi maslahah yang dapat ditangkap dari pengumpulan Alquran adalah bahawa membiarkan Alquran tidak terkumpul dan terpisah-pecah atau bercerai-berai maka cepat atau lambat akan hilang dan sumber yang lain sudah meninggal semua.

---

<sup>28</sup> Ibid, h.64.

## PENUTUP/ KESIMPULAN

Dari pemaparan mengenai sikap dan perlakuan para Sahabat Nabi terhadap teks-teks agama secara umum dan teks-teks Sunnah secara khusus, dapatlah ditarik kesimpulan-kesimpulan sebagai berikut;

1. Generasi Sahabat Nabi merupakan generasi yang paling genuine pemahamannya terhadap Sunnah kerana didukung banyak faktor yang tidak dimiliki oleh generasi lainnya; mereka menyaksikan langsung turunnya Alquran, mereka berinteraksi langsung dengan Nabi, mereka dapat memahami dengan mudah konteks sosial yang telah mengiringi kehadiran wahyu satu persatu begitu pula kebijakan-kebijakan Nabi (Sunnah). Dengan demikian, Sahabat sebagai sebuah sumber tidak dapat diabaikan bahkan merupakan sebuah kemestian dalam rangka memahami ajaran-ajaran agama yang terkandung dalam al-Quran maupun Hadith.
2. Memahami Sunnah melalui pendekatan Konteks merupakan trend yang sangat jelas di zaman Sahabat. Mereka menempuh pendekatan ini dengan pelbagai bentuknya dalam rangka memahami sunnah. Pendekatan ini bukanlah sepenuhnya produk pemahaman mereka tapi ia merupakan inspirasi dari bimbingan Nabi sebagai hasil dari dinamika interaksi sepanjang 23 tahun masa kenabian. Dalam pelbagai kesempatan Nabi memberi bimbingan langsung kepada Sahabatnya bahawa meskipun beliau sebagai Nabi dan Rasul Allah tapi itu tidak membebaskannya dari karakternya sebagai manusia. Sebagai konsekwensinya, Nabi tidak jarang berperilaku dan perialakunya tidak mengandung hukum yang mesti ditaati. Bukan hanya itu, tapi Sahabat pun memahami teks Sunnah tidak selamanya universal tapi juga memahaminya secara temporal seperti yang sudah dikemukakan diatas.
3. Berdasarkan keterangan yang sudah dikemukakan, perbezaan Sahabat dengan Sunnah Nabi muncul dari adanya metodologi yang benar dalam memahami dan menerapkan Sunnah bukan dibina atas pemahaman serampangan yang dipicu oleh hawa nafsu belaka.
4. Perilaku-perilaku Sahabat yang tampak berbeza dari apa yang dilukiskan dalam Sunnah tidak boleh dipahami sebagai bentuk pelanggaran yang disengaja atau tidak, apalagi dipahami sebagai sebuah konspirasi untuk mendurhakai perintah atau larangan Nabi kerana kepentingan politik atau tuntutan hawa nafsu seperti yang telah dituduhkan oleh musuh-musul Islam terutama kalangan pengkaji Syiah yang dengan secara nyata berdasarkan bukti menuduh para Sahabat utama dengan tuduhan kefasikan dan kekafiran hanya kerana Sahabat-sahabat yang mulia itu memiliki pemahaman yang berbeza dari apa yang ada dalam Sunnah. *Wallahu A 'lam bi al-Shawab.*

## BIBLIOGRAPHY

- Abd Rauf Amin (2010), *Moderasi Islam dalam Tradisi Pakar Hukum Islam (Wacana dan Karakteristik)* dalam , Konstruksi Islam Moderat, 2012, Makassar: Icatt Press.
- \_\_\_\_\_. (2009), *Filsafat Hukum Islam*, Makassar: Alauddin Press.
- \_\_\_\_\_. (2013) *al-Ijtihād fī Dhaūl Maqāsid al-Syari‘ah: Malāmih wa Dhawābith*, Brunei Darussalam: KUPU Press.
- Abu Daud, *Sunan Abu Daud*, Beirut: Maktabah al- ‘Ashriyyah.
- Al- ‘Asqalāni, Ibnu Hajar , *Fathul Bari*, Beirut: Dar al-Fikri.
- Al- Bagwi (1983), *Syarh Sunnah*, Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Bukhari (1987), *Shahih al-Bukhari*, Beirut: Dār Ibni Katsir.
- Al-Jassās, Abu Bakar (1405) *Ahkām al-Qurān*, Beirut: Dār Ihyā al-Turāts al- ‘Arabi.
- Al-Madani, Malik bin Anas bin Malik (2004), *Al-Muwatta’* Emirat: Muassasah Zaid bin Sultan.
- Al-Naisābūri, Muslim bin al-Hajjāj, *Shahih Muslim*, Beirut: Dār Ihyā al-Turāts al- ‘Arabi.
- Al-Namlah, Abdul Karim (1999), Mukhālafat al-Shahābiyyi Lil Hadīts al-Nabawiyyi, Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Baltaji, Muhammad, *Manhaj ‘Umar fī al-Tasyri’*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi.
- Ibn Hisyam, Abdul Malik (1955) , *Al-Sirah al-Nabawiyah*, Kaherah: Mustafa Bab al-Halabi.
- Ibnu Taimiyah, Ahmad Abdul Halim, *Majmu al-Fatawa*, Kahera: Maktabah Ibni Taimiyah.
- Sa ‘du al-Din al- ‘utsmāni, (2010) Kontekstualisasi Hadith (Terjemahan Abd Rauf), Makassar : Alauddin Press.
- Shalabi, Muhammad Mustafa, *Ta’lil al-Ahkam*, (T.thn), Beirut: Dar al-Nahdah al- ‘Arabi.